

PENGUKURAN MULTIDIMENSI DALAM KONSEP KEMISKINAN ISLAM: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADITH

Multidimensional Poverty Practices In Islamic Poverty Concept: Analysis According To Al-Quran And Hadith Perspectives

Muhamad Zulfadli Abdul Rahman*, Mohammad Taqiuddin Mohamad,
Muhammad Shamshinor Abdul Azzis***, Ahmad Salahuddin M. Azizan***

*Faculty of Social Science & Humanities, Open University Malaysia (OUM),
Menara OUM, Blok C, Kompleks Kelana Centre Point, Jalan SS7/19, Kelana
Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

**Department of Shariah and Economy, Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

***Department of South East Asian Studies, Faculty of Arts and Social
Sciences, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

(Corresponding author) e-mail: muhamad_zulfadli@oum.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no1.4>

ABSTRACT

Poverty is a global issue that affects all segments of society regardless of race or religion. Theoretically, poverty refers to a state where individuals are unable to meet their basic minimum needs. The limitations of conventional financial-based measurement methods have led many institutions to adopt a multidimensional approach to assessing poverty. This

study analyzes the concept of multidimensional poverty in Islam based on the Quran and Hadith. A qualitative approach, utilizing textual analysis and scholarly interpretations, was employed to gain a holistic understanding of this concept. The findings reveal that Islam adopts a multidimensional approach, encompassing material elements such as food, clothing, and shelter, alongside spiritual aspects like psychological and spiritual well-being. This study has significant implications for social development policies by emphasizing the inclusion of spiritual dimensions as part of poverty measurement. This approach offers a comprehensive alternative for policymakers to design more effective programs to address poverty within Muslim communities.

Keywords: *poverty, multidimensional poverty, Islamic poverty, al-Quran, hadith*

ABSTRAK

Kemiskinan adalah isu global yang melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa atau agama. Secara teorinya, kemiskinan merujuk kepada keadaan individu yang tidak mampu memenuhi keperluan hidup minimum. Kelemahan dalam kaedah pengukuran kewangan konvensional telah mendorong banyak institusi menggunakan pendekatan multidimensi untuk mengukur kemiskinan. Kajian ini menganalisis pendekatan kemiskinan dalam Islam berdasarkan al-Quran dan Hadith. Pendekatan kualitatif melalui analisis teks dan tafsiran ulama digunakan untuk memahami konsep ini secara holistik. Dapatan menunjukkan Islam menerapkan pendekatan multidimensi yang meliputi elemen material seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal serta aspek spiritual, seperti kesejahteraan jiwa dan rohani. Kajian ini memberi impak penting kepada dasar pembangunan sosial dengan menekankan dimensi spiritual sebagai sebahagian daripada ukuran kemiskinan. Pendekatan ini berpotensi menjadi alternatif komprehensif bagi pembuat dasar merangka program yang lebih berkesan dalam menangani kemiskinan di kalangan masyarakat Islam.

Kata Kunci: kemiskinan, kemiskinan multidimensi, kemiskinan Islam, al-Quran, hadith

PENGENALAN

Kemiskinan merupakan isu kemasyarakatan di seluruh dunia tanpa mengenal rupa, bangsa atau agama. Secara teorinya, kemiskinan didefinisikan sebagai keadaan individu yang menghadapi masalah kekurangan dalam memenuhi keperluan asas hidup secara minimum.¹ Pengukuran kemiskinan yang baik bertujuan untuk membezakan susunan dan saiz isi rumah supaya perbandingan tahap kecukupan setiap isi rumah dalam memenuhi keperluan hidup dapat dilakukan secara berterusan.² Disebabkan oleh kelemahan dalam kaedah pengukuran berasaskan kewangan yang tidak menyediakan maklumat yang tepat dalam mengukur kemiskinan, banyak institusi pembangunan masyarakat di seluruh dunia telah mula berubah kepada kaedah pengukuran kemiskinan secara multidimensi.³ *Multidimensional Poverty Index* (MPI) telah dibangunkan dengan 3 dimensi utama dalam mengukur kemiskinan dengan menggunakan 10 indikator iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup.⁴ MPI juga berupaya mengukur masalah deprivasi di setiap peringkat isi rumah yang melibatkan kategori kanak-kanak, orang dewasa dan warga emas. Hal ini juga membolehkan perbandingan pencapaian dalam keperluan hidup dibuat melalui aspek jantina dan tahap usia serta dapat mengenalpasti ketidaksetaraan di antara ahli isi rumah.⁵ Jadual 1 menjelaskan tentang dimensi dan indikator yang digunakan dalam MPI:

¹ Itang, "Faktor-Faktor Penyebab Kemiskinan", *Jurnal Keislaman, Kemasyarakatan dan Kebudayaan* 16, no.1 (2015), 3.

² Robert H. Haveman, Poverty: Measurement and Analysis, dalam *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences*, ed. Neil J. Smelser dan Paul B. Baltes, Science Direct, 2001, 15.

³ Diana, K.L. Ngo, "A Theory-Based Living Standards Index for Measuring Poverty in Developing Countries", *Journal of Development Economic* 130, no. 1 (2018), 193.

⁴ Sabina Alkire dan Maria Emma Santos, (2014). "Measuring Acute Poverty in the Developing World: Robustness and Scope of the Multidimensional Poverty Index", *World Development* 59 (2014), 254.

⁵ Sabina Alkire et al., "The Global Multidimensional Poverty Index (MPI): 5-Year Methodological Note. OPHI Briefing 37, Oxford Poverty & Human Development Initiatives, University of Oxford, 2016, 4.

Jadual 1: *Multidimensional Poverty Index (MPI)*

Dimensi	Indikator
Pendidikan	Tahun Persekolahan
	Kehadiran Sekolah
Kesihatan	Kematian Bayi
	Nutrisi
Taraf Hidup	Elektrik
	Sanitasi
	Air Minuman
	Lantai Kediaman
	Bahan Bakar Memasak
	Pemilikan Aset

Sumber: OPHI (2018)⁶

Dari perspektif agama, Islam mengajak umatnya supaya tekun berusaha mencari kekayaan kerana kemiskinan ditakuti akan menjerumus kepada perkara-perkara tidak baik atau meminta-minta. Walau bagaimanapun, Islam tidak mengalakkan umatnya meminta-minta bagi mereka yang mampu untuk berusaha.⁷ Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

لِّلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ
الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا ۚ وَمَا
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾

“Pemberian sedekah itu ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka: orang kaya - oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak”

(Surah al-Baqarah, 2: 273)

⁶ Oxford Poverty & Human Development Initiatives, *Global Multidimensional Poverty Index 2018: The Most Detailed Picture to Date of the World's Poorest People* (London: Oxford Poverty & Human Development Initiatives, 2018), 2.

⁷ Nasser Taib, Islam dan Pembasmian Kemiskinan, *Jurnal Kemanusiaan* 3 (1993), 2.

Hukum meminta sedekah tanpa sebarang keperluan yang darurat adalah haram dan dilarang di dalam Islam. Larangan tersebut dinyatakan berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, Nabi SAW telah bersabda:

لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِغَنِيِّ وَلَا لِذِي مِرَّةٍ سَوِيٍّ

“Tidak halal menerima sedekah bagi orang kaya dan orang yang sihat tubuh badannya (untuk bekerja)”.⁸

Selain itu, di dalam al-Quran terdapat 28 ayat yang mengandungi perkataan miskin sama ada dalam bentuk tunggal mahupun jamak di mana sebahagian besarnya berasal dari kata dasar *as-sakan* (no 1-23) dan bukan daripada perkataan tersebut (no 24-28) seperti berikut:

Jadual 2: Istilah Kemiskinan Di Dalam Al-Quran

No	Surah	Ayat	Perkataan	Maksud
1	Al-Baqarah	83	والمسكين	Dan orang-orang miskin
2	Al-Baqarah	177	والمسكين	
3	Al-Baqarah	215	والمسكين	
4	Al-Nisa	8	والمسكين	
5	Al-Nisa	36	والمسكين	
6	Al-Anfal	41	والمسكين	
7	Al-Taubah	60	والمسكين	
8	Al-Isra	26	والمسكين	
9	Al-Nur	22	والمسكين	
10	Al-Rum	38	والمسكين	
11	Al-Hasr	7	والمسكين	
12	Al-Baqarah	184	مسكين	Seorang miskin
13	Al-Qalam	24	مسكين	
14	Al-Maidah	89	مسكين	Orang-orang miskin
15	Al-Maidah	95	مسكين	
16	Al-Haqqah	34	المسكين	
17	Al-Muddaththir	44	المسكين	
18	Al-Mujadilah	4	مسكيننا	Orang miskin
19	Al-Insan/Al-Dahr	8	مسكيننا	
20	Al-Fajr	18	المسكين	
21	Al-Balad	16	مسكيننا	

⁸ Hadith riwayat Al-Nasā’ī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Lā Tuqbalu Minhu al-Ṣadaqahno, no. hadis 2597. Lihat Aḥmad ibn Shu‘ayb al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī al-Ṣughra*, ed. ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 1991).

22	Al-Ma'un	3	المسكين	
23	Al-Kahf	79	لمسكين	Milik orang-orang miskin
24	Al-Baqarah	236	المقتدر	Orang yang miskin
25	Al-An'am	151	إملى	Kemiskinan
26	Al-Isra	31	إملى	
27	Al-Taubah	28	عيلة	Menjadi miskin
28	Al-Duha	8	عائلا	Miskin/kekurangan

Sumber: Bayu Tri Cahya (2015)⁹

Menurut Imam al-Ghazālī r.a, kekayaan hanyalah dimiliki oleh Allah SWT sebaliknya yang miskin itu adalah manusia.¹⁰ Beliau berpandangan demikian berlandaskan firman Allah SWT:

هَآأَنُتُمْ هَآلَآءِ تُدْعَوْنَ لِتُنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَمِنْكُمْ مَّنْ يَبْخُلُ ۚ وَمَنْ يَبْخُلْ
فَإِنَّمَا يَبْخُلْ عَن نَّفْسِهِ ۚ وَاللَّهُ الْغَنِيُّ وَأَنْتُمْ الْفُقَرَاءُ ۚ وَإِنْ تَتَوَلَّوْا يَسْتَبْدِلْ قَوْمًا
غَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُوا أَمْثَلَكُمْ ﴿٣٨﴾

“(Ingatlah), kamu ini adalah orang-orang yang bertabiat demikian - kamu diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit dari harta benda kamu pada jalan Allah, maka ada di antara kamu yang berlaku bakhil, padahal sesiapa yang berlaku bakhil maka sesungguhnya ia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. Dan (ingatlah) Allah Maha kaya (tidak berhajat kepada sesuatupun), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepada-Nya dalam segala hal). Dan jika kamu berpaling (daripada beriman, bertaqwa dan berderma) Ia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain; setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.”

(Surah Muḥammad, 47: 38)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, manusia dikatakan miskin kerana mereka memerlukan kepada sesuatu. Manusia tidak dikategorikan sebagai miskin sekiranya mereka tidak memerlukan sesuatu. Melalui penafsiran tersebut, hanya Allah SWT sahaja yang tidak memerlukan

⁹ Bayu Tri Cahya, "Kemiskinan Ditinjau Dari Perspektif Al-Quran dan Hadis", *Jurnal Penelitian* 9, no. 1 (2015), 47-48.

¹⁰ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ṭūsiyy al-Ghazālī, *Ihya 'Ulūm Ad-Dīn*, 137.

kepada sesuatu. Oleh itu, hanya Allah SWT sahaja yang kaya sedangkan manusia adalah miskin.

Tambahan pula, terdapat segelintir individu yang berlebih-lebihan membahaskan tentang bahaya kefakiran bagi merasionalkan ketamaman mereka mencari harta dunia. Namun begitu, terdapat hadith Nabi SAW yang diriwayatkan dari `Amr bin` Auf al-Ansari yang menafikan kebimbangan baginda terhadap kefakiran harta, sebaliknya yang dibimbangi ialah kekayaan harta seperti:

فَوَاللَّهِ لَا الْفَقْرَ أَحْشَى عَلَيْكُمْ، وَلَكِنْ أَحْشَى عَلَيْكُمْ أَنْ تُبْسَطَ عَلَيْكُمُ
الدُّنْيَا كَمَا بُسِطَتْ عَلَى مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، فَتَنَافَسُوهَا كَمَا تَنَافَسُوهَا
وَتُهْلِكُكُمْ كَمَا أَهْلَكْتَهُمْ

*“Maka demi Allah, bukanlah kefakiran aku bimbangkan ke atas kamu tetapi aku bimbang dibentangkan ke atas kamu dunia sepertimana dibentangkan ke atas umat sebelum kamu lalu kamu berlumba-lumba mengejarnya sepertimana mereka berlumba-lumba mengejarnya dan ia menghancurkan kamu sepertimana ia telah menghancurkan mereka”.*¹¹

Berdasarkan daripada hadith di atas, kekayaan berupaya menjadi sebahagian punca kehancuran kebanyakan manusia dan ia telah berlaku kepada golongan-golongan terdahulu. Persepsi umat Islam pada hari ini menganggap kemiskinan adalah suatu ketetapan yang telah disusun oleh Allah SWT bagi menguji mereka. Namun begitu, kemiskinan tidak wujud hanya disebabkan oleh faktor takdir semata-mata malah ia juga salah satu cabang penganiayaan pada diri sendiri. Bersesuaian dengan takrifan miskin dari sudut bahasa sebagai diam atau tidak bergerak, ini menggambarkan bahawa kemiskinan berlaku akibat daripada sikap berdiam diri dan tidak menggerakkan tubuh badan untuk berusaha mendapatkan sesuatu

¹¹ Hadith Riwayat al-Bukhārī. Kitāb al-Jizyah wal Mawāda’ah, Bāb al-Jizyah wal Muwādati ma’a Ahlil Harbī, no hadith 3158. Lihat al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā’īl al-Ju’fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 779; Hadith riwayat Muslim. Kitāb Az-Zuhud wal Riqā’iq, no hadith 2961. Lihat Muslim, Abī al-Ḥusāyn Muslim ‘Ibn al-Ḥajjāj ‘Ibn al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Imām Muḥy al-Dīn al-Nawawī*, 2273; Hadith riwayat ‘Ibn Mājah, Kitāb al-Fitān, Bāb Fitnatī al-Māl, no hadith 3997. Lihat al-Ḥāfiz Abī ‘Abd ‘Allah Muḥamad bin Yazīd al-Qazwinī, *Sunān ‘Ibn Mājah* (Riyaḍ: Dār as-Salām, t.t), 1324.

sedangkan Allah SWT telah menetapkan rezeki kepada setiap hambanya bersesuaian dengan firmanNya:

﴿وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۚ كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ﴾^{١٦}

“Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Luh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan)”

(Surah Hud, 11: 6)

Di dalam hadith yang lain turut menyatakan tentang kelebihan seseorang yang fakir berbanding seseorang yang kaya. Dari Abu Hurairah sabda Rasulullah SAW:

يَدْخُلُ فَقَرَاءُ الْمُؤْمِنِينَ الْجَنَّةَ قَبْلَ الْأَغْنِيَاءِ بِنِصْفِ يَوْمٍ خَمْسِمِائَةِ عَامٍ

*“Orang-orang fakir dari kaum mukminin masuk syurga setengah hari, iaitu lima ratus tahun sebelum orang-orang kaya dari mereka”*¹²

Dari Harits bin Wahb *radhiyallahu ‘anhu*, ia berkata bahwa ia berkata,

أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ الْجَنَّةِ كُلُّ ضَعِيفٍ مُتَضَعِّفٍ لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللَّهِ لِأَبَرَّهُ، أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ النَّارِ كُلُّ عُتْلٍ جَوَّازٍ مُسْتَكْبِرٍ

“Maukah kuberitahu pada kalian siapakah ahli syurga itu? Mereka itu adalah setiap orang yang lemah dan dianggap lemah oleh para manusia, tetapi jika ia bersumpah atas nama Allah, pastilah Allah mengabulkan apa yang disumpahkannya. Maukah kuberitahu pada kalian siapakah

¹² Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri. (n.d.). *Sahih Muslim*. Kitab al-Zuhd wa al-Raq'iq, Bab Fadhl al-Fuqara', Hadith no. 2979, Al-Tirmidhi, M. ibn 'Isa. (n.d.). *Sunan al-Tirmidhi*. Kitab al-Zuhd, Bab Ma Ja'a fi Fadl al-Fuqara', Hadith no. 2353, Ahmad bin Hanbal. (n.d.). *Musnad Ahmad*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Hadith no. 8615, Al-Hakim, M. (n.d.). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Dar al-Ma'rifah. Kitab al-Riqaq, Hadith no. 7926, Ibn Majah, M. ibn Y. (n.d.). *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Zuhd, Bab Fadl al-Fuqara', Hadith no. 4122.

*ahli neraka itu? Mereka itu adalah setiap orang yang keras,
kikir dan gemar mengumpulkan harta lagi sombong”.*¹³

(HR. Bukhari no. 4918 dan Muslim no. 2853)

Ibn Hajar berpendapat bahwa orang yang lemah di dalam hadith di atas adalah merujuk kepada orang yang berkeadaan lemah dari sudut dunia seperti fakir dan miskin.¹⁴ Namun, hadith-hadith di atas tidaklah menafikan kelebihan seorang yang memiliki kekayaan dan menggunakan kekayaan mereka di jalan Allah SWT. Malah golongan ini akan mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda berdasarkan niat mereka semua.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيَمَا يَرَوْنِهِ عَنْ رَبِّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَنَّهُ قَالَ: (إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ؛ فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ. وَإِنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً)

“Dari Ibnu ‘Abbas radhiyallahu ‘anhuma dari Rasulullah, beliau bersabda tentang sesuatu yang beliau riwayatkan dari Rabbnya Tabaraka wa Ta’ala: “Sesungguhnya Allah menetapkan adanya kebaikan dan kejelekan, kemudian Dia menjelaskannya. Barangsiapa yang berniat untuk mengerjakan amal kebaikan namun belum terlaksana, maka Allah akan catat baginya satu kebaikan yang sempurna. Dan jika dia berniat untuk kebaikan dan mengerjakannya, maka Allah akan catat baginya dengan 10 kebaikan hingga 700 kali lipat, bahkan sampai berlipat-lipat banyaknya. Sebaliknya, apabila dia berniat untuk mengerjakan amalan kejelekan

¹³ Al-Bukhari, M. ibn I. (n.d.). *Sahih al-Bukhari*. Kitab Sifat Ahl al-Jannah wa al-Nar, Bab Sifat al-Jannah wa Ahlaha, Hadith no. 4918, Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri. (n.d.). *Sahih Muslim*. Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Sifat Ahl al-Jannah wa Ahl al-Nar, Hadith no. 2853, Al-Tirmidhi, M. ibn ‘Isa. (n.d.). *Sunan al-Tirmidhi*. Kitab Sifat al-Qiyamah wa al-Raqa’iq wa al-Wara’, Hadith no. 2442, Ibn Majah, M. ibn Y. (n.d.). *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Zuhd, Bab Sifat Ahl al-Jannah, Hadith no. 4116.

¹⁴ Ibn Hajar al-‘Asqalani. (n.d.). *Fath al-Bari sharh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Ma’rifah. Kitab Sifat Ahl al-Jannah wa al-Nar, Bab Sifat al-Jannah wa Ahlaha.

*namun belum terlaksana, maka Allah akan catat baginya satu kebaikan yang sempurna. Dan apabila dia berniat untuk kejelekan dan mengerjakannya, maka Allah akan mencatat baginya satu kejelekan saja”.*¹⁵

(HR. Bukhari no. 6491 dan Muslim no. 131)

Kemiskinan multidimensi memberi tumpuan kepada masalah kekurangan selain aspek kewangan dalam keperluan hidup yang menghalang ke arah pencapaian kesejahteraan hidup.¹⁶ Keadaan kehidupan masyarakat di setiap negara dan perbezaan dalam fahaman agama tentunya akan mentafsirkan definisi kemiskinan yang berbeza-beza dan pelbagai. Selain itu, tidak cukup untuk menilai kemiskinan sebagai akibat daripada kegagalan untuk memenuhi keperluan asas seseorang dan kekurangan pengukuran kewangan untuk memenuhi keperluan hidup. Tidak ada satu definisi kemiskinan yang boleh diterima oleh semua negara, tanpa mengambil kira struktur masyarakat dan tahap pembangunan mereka. Ini disebabkan oleh fakta bahawa terdapat banyak aspek yang diperlukan untuk menjelaskan konsep kemiskinan dan menentukan masalah yang diperlukan untuk membentuk definisi kemiskinan. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji amalan pengukuran multidimensi yang wujud dalam konsep kemiskinan Islam dengan menggunakan dalil nas daripada al-Quran dan hadith.

SKOP DAN METODOLOGI

Artikel ini membincangkan tentang kaedah pengukuran kemiskinan Islam sedia ada dan dibandingkan dengan konsep kemiskinan multidimensi melalui perspektif al-Quran dan Hadith. Bagi menilai sejauh mana pengukuran kemiskinan Islam mempunyai ciri-ciri pengukuran kemiskinan multidimensi, fokus perbincangan artikel ini akan melihat definisi kemiskinan menurut perspektif Islam, konsep had kifayah yang merangkumi aspek elemen pengukuran, kadar penetapan, kategori golongan yang layak meminta sedekah serta kelayakan dalam menerima zakat. Selain itu, artikel ini juga menganalisis konsep kemiskinan jiwa

¹⁵ Al-Bukhari, M. ibn I. (n.d.). *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Riqaq, Bab Fadl man hamma bi-hasanah, Hadith no. 6491, Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri. (n.d.). *Sahih Muslim*. Kitab al-Iman, Bab Ihtisab al-Khayr wa al-Sharr, Hadith no. 131.

¹⁶ Koen Decancq, Marc Fleurbaey, Francois Maniquet, “Multidimensional Poverty Measurement with Individual Preferences”, *Journal of Economic Inequality* 17, no. 1 (2019), 32.

yang masih kurang diangkat sebagai pengukuran dalam mana-mana polisi pengukuran kemiskinan. Bagi merungkai dapatan kajian tentang ayat-ayat alquran dan hadith yang digunakan semasa proses analisis, pengkaji merujuk kepada beberapa buah kitab tafsir sebagai sumber rujukan utama dan kitab hadith yang dirujuk adalah Sunan Sittah. Sumber primer bagi mendapatkan data mengenai kemiskinan multidimensi diperolehi daripada sumber buku, tesis dan artikel yang berkaitan. Kesemua data tersebut disokong oleh sumber sekunder daripada sorotan literatur.

ISTILAH FAKIR DAN MISKIN

Dalam Islam, istilah "fakir" dan "miskin" merujuk kepada dua kategori yang digunakan untuk mengukur tahap kemiskinan. Menurut Muhammad al-Ḥusāynī dan Wahbah al-Zuhaylī, fakir ditakrifkan sebagai individu yang tidak mempunyai pekerjaan atau harta sehingga tidak mampu memenuhi keperluan asas hidup mereka. Ini termasuk mereka yang mempunyai ahli keluarga atau tanggungan yang tidak dapat dipenuhi keperluan hidupnya. Miskin pula merujuk kepada individu yang mempunyai pekerjaan dan memperoleh pendapatan, namun pendapatan tersebut tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup diri sendiri mahupun tanggungan mereka.¹⁷

Makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal adalah antara keperluan hidup biasa. Namun, konsep keperluan hidup dalam konteks semasa tidak lagi terhad kepada makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal semata-mata. Ia turut merangkumi keperluan lain yang dianggap asas dalam kehidupan moden, seperti akses kepada pendidikan, kesihatan, kemudahan pengangkutan, teknologi maklumat dan komunikasi serta keselamatan sosial.¹⁸ Oleh itu, penilaian terhadap status fakir dan miskin harus mengambil kira perubahan dalam dimensi keperluan hidup ini, agar definisi kemiskinan lebih holistik dan sejajar dengan realiti semasa.

Menurut Muḥammad Rawwas Qal'aji¹⁹, seseorang itu dianggap fakir apabila harta keseluruhan semasa mereka tidak lebih daripada 40 dirham

¹⁷ *Ibid.*, 866-870.

¹⁸ M. Niaz Asadullah, Jerun Josep dan James Chin, *The Political Economy of Poverty Reduction in Malaysia*, *Progress in Development Studies* 23, no. 2 (2023), 129.

¹⁹ Muḥammad Rawwas Qal'ajī, *Māwsū'ah Fiqh 'Umar bin al-Khaṭab*, cet. ke-4 (Bayrūt: Dār al-Nafash, 1989), 469.

(RM800.00) atau 1 "uqiah" (4 dīnār)²⁰ untuk memenuhi keperluan asas mereka. Penentuan ini merujuk kepada keadaan ekonomi dan kos sara hidup pada zaman tersebut iaitu sekitar abad kedua hingga ketiga Hijrah (abad kelapan dan kesembilan Masihi). Walaupun nilai mata wang tersebut berbeza mengikut zaman, ia memberikan gambaran asas tentang tahap minimum pemilikan harta yang diperlukan bagi memenuhi keperluan hidup pada waktu itu. Selain itu, miskin ialah apabila keperluan hidup seseorang adalah lebih tinggi daripada pendapatan mereka. Berdasarkan definisi di atas, fakir mempunyai taraf hidup yang lebih rendah berbanding miskin, yang mampu memenuhi keperluan asas mereka walaupun mempunyai taraf hidup yang lebih rendah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT seperti berikut:

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرْدَتْ أَنْ أَعْيِيَهَا وَكَانَ
وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا ﴿٧٩﴾

“Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut, oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana dibelakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat”

(Surah al-Kahfi, 18: 79)

Menurut firman Allah SWT di atas, ayat "Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang miskin yang bekerja di laut," menunjukkan bahawa orang miskin masih mempunyai harta, walaupun sedikit, berbanding golongan fakir yang tidak mempunyai apa-apa seperti dalam firman Allah SWT yang berikutnya:

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ
الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا وَمَا
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾

“Pemberian sedekah itu ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan

²⁰ Sayed Afzal Peerzade, “The Definition and Measurement of Poverty: An Intergrated Islamic Approach”, *The Pakistan Development Review*, Spring 36, no.1 (1997), 93094.

sebagainya); mereka itu disangka: orang kaya - oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya”

(Surah al-Baqarah, 2: 273)

Berdasarkan ayat di atas, perkataan *الْفُقَرَاءِ* adalah membawa maksud orang-orang fakir. Perkataan *Fuqara'* adalah *jama'* kepada perkataan *Faqir* (*mufrad*). Ini bermakna, golongan fakir adalah mereka yang tidak mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk berusaha untuk memperolehi sesuatu harta atau pendapatan.

Selain itu, menurut Imām al-Ghazālī r.a.,²¹ fakir didefinisikan sebagai mereka yang tidak mempunyai apa-apa harta dan mengharapkan kepada sesuatu harta untuk meneruskan kehidupan. Definisi ini selari dengan firman Allah SWT yang berbunyi:

هَآأَنُتُمْ هَآؤِلَآءِ تُدْعَوْنَ لِتُنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَمِنْكُمْ مَّنْ يَبْخُلُ ۚ وَمَنْ يَبْخُلْ
فَإِنَّمَا يَبْخُلْ عَن نَّفْسِهِ ۚ وَاللَّهُ الْغَنِيُّ وَأَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ ۚ وَإِنْ تَتَوَلَّوْا يَسْتَبَدِلْ قَوْمًا
غَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُوا أَمْثَلَكُمْ ﴿٣٨﴾

“(Ingatlah), kamu ini adalah orang-orang yang bertabiat demikian - kamu diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit dari harta benda kamu pada jalan Allah, maka ada di antara kamu yang berlaku bakhil, padahal sesiapa yang berlaku bakhil maka sesungguhnya ia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. Dan (ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepada-Nya dalam segala hal). Dan jika kamu berpaling (daripada beriman, bertaqwa dan menderma), ia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain; setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.”

(Surah Muḥammad, 47: 38)

²¹ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ṭūsiyy al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulūm Ad-Dīn*, (Indonesia: Penerbit Asli, 1988), 7:132.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa manusia pada mulanya dianggap fakir kerana mereka tidak mempunyai apa-apa dan hanya memerlukan sesuatu. Sebaliknya, Allah SWT adalah pemilik sepenuhnya semua kekayaan dunia. Dalam ayat di atas, istilah "al-fuqara" merujuk kepada manusia, yang tidak mempunyai apa-apa kecuali semuanya dimiliki oleh Allah SWT. Selain itu, Imam al-Ghazālī menjelaskan maksud miskin sebagai orang yang menyembunyikan kesusahan mereka tanpa meminta bantuan daripada sesiapa, seperti yang dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW:

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ليس المسكين الذي يطوف على الناس ترده اللقمة واللقمتان والتمرنة
والتمرتان ولكن المسكين الذي لا يجد غنى يغنيه ولا يفطن به فيتصدق
عليه ولا يقوم فيسأل الناس

“Orang miskin itu bukanlah orang yang berkeliling meminta-minta kepada manusia, lalu ia diberikan sesuap dua suap, sebuah dan dua biji kurma. Para sahabat bertanya kalau begitu siapakah orang miskin itu wahai Rasulullah. Rasulullah SAW bersabda: Orang yang tidak menemukan harta yang mencukupinya tapi orang-orang tidak tahu kerana kesabarannya, ia menyembunyikan keadaannya dan tidak meminta-minta kepada orang lain, lalu diberi sedekah tanpa meminta sesuatu pun kepada manusia”²²

Berdasarkan hadith di atas, orang miskin adalah mereka yang tidak mengetahui kemiskinan mereka kerana mereka sabar dan menyembunyikan kesusahan mereka. Secara amnya, perkataan "fakir" dan "miskin" merujuk kepada situasi di mana mereka menghadapi kesukaran untuk memenuhi keperluan asas mereka. Walau bagaimanapun, perbezaan yang ketara antara kedua-dua istilah ini terletak pada tahap kesukaran yang dihadapi oleh kedua-dua golongan ini.

²² Hadis riwayat Muslim. Kitāb al-Zakāh, bāb al-Miskīn Alladhī la Yajidu Ghannī wala Yaftinū lahū Fayatasaddaku Alayh, no. hadis 1039. Lihat Muslim, Abī al- Husayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj Ibn al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Imām Muḥy al-Dīn al-Nawawī* (Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1991), 719; Hadis riwayat al-Bukhārī, “Kitāb al-Zakāh, Bāb Qawl Allāh Ta‘āla: La Yas‘alū al- Nās Ilhāfan,” no. hadis 1479. Lihat al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Ju‘fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2002), 360-361.

PANDANGAN 4 MAZHAB TENTANG KONSEP FAKIR DAN MISKIN

Menurut al-Shāfi'iyāh, fakir boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang sama ada tidak mempunyai harta dan pekerjaan sama sekali atau mempunyai harta dan pekerjaan hanya cukup untuk memenuhi keperluan diri dan tanggungannya. Sebagai contoh, seseorang yang tidak mempunyai harta atau pekerjaan memerlukan sepuluh dirham (RM200.00) untuk memenuhi keperluan asasnya, tetapi dia hanya mempunyai dua dirham (RM40.00).²³ Al-Shāfi'iyāh, sebaliknya, ditakrifkan sebagai seseorang yang memiliki harta dan pekerjaan tetapi hanya mampu membayar 7 dirham (RM140.00) daripada 10 dirham (RM200.00) untuk memenuhi keperluan hidupnya.²⁴ Makanan, minuman dan pakaian adalah keperluan asas manusia menurut al-Shāfi'iyāh.²⁵

Al-Shāfi'iyāh menjelaskan kemiskinan sebagai masalah yang mempunyai banyak aspek. Seseorang yang miskin dikehendaki mendapat bantuan melalui zakat sehingga mereka dapat memenuhi keperluan asas mereka. Dia berpendapat bahawa istilah fakir dan miskin mempunyai definisi yang berbeza, walaupun kedua-duanya menerangkan keadaan kekurangan dalam hidup. Fakir mempunyai ciri-ciri yang menghalang mereka daripada bekerja dan memiliki harta, serta tidak mempunyai sebarang harta. Sebaliknya, miskin mempunyai ciri-ciri yang membolehkan mereka bekerja dan memiliki harta, tetapi pendapatan mereka dan harta yang mereka perolehi tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas mereka.

Al-Ḥanābilah²⁶ menyokong definisi ini, seperti al-Shāfi'iyāh, yang menganggap kemiskinan sebagai keadaan di mana seseorang tidak mempunyai apa-apa. Mereka yang tidak mempunyai apa-apa atau tidak memiliki separuh daripada keperluan asas mereka dikenali sebagai fakir. Sebaliknya, mereka yang hanya mampu memenuhi sebahagian atau lebih daripada separuh daripada keperluan asas mereka dikenali sebagai miskin.

²³ Al-Imām Taqī al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusāynī al-Ḥisānī al-Dimāshqī al-Shāfi'ī, *Kifāyat al-Akhyār fī Ḥāl Ghayāt al-Ikhtisār* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 277-278.

²⁴ Abī Ishāq Ibrāhīm bin Alī bin Yūsuf al-Fayrūz al-Shirāzī, *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1:2-4, 215.

²⁵ Al-Imām Abu 'Abdullah Muḥammad bin Idrīsh al-Shāfi'ī al-Qarshiy al-Muṭallibiy, *al-Umm* (Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyāh, t.t.), 282.

²⁶ 'Abdullah bin Aḥmad bin Qudāmah, *al-Kaḥf fī Fiqh Ḥanbalī* (t.tp: al-Maktab al-Islāmī, 1988), 423.

Menurut kedua-dua pandangan mazhab ini, memenuhi keperluan asas adalah lebih sukar bagi orang fakir berbanding orang miskin.

Namun, mazhab al-Mālikīyah²⁷ membezakan antara fakir dan miskin dari segi tahap keperluan dan kekurangan. Al-Mālikīyah mendefinisikan fakir sebagai mereka yang mempunyai harta yang sedikit dan hanya memenuhi keperluan asas tetapi tidak mampu memenuhi keperluan hidup sepenuhnya seperti akses ilmu, kesihatan, kemudahan asas serta penglibatan sosial²⁸, manakala miskin adalah mereka yang langsung tidak mempunyai harta atau sumber yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas tersebut. Jika dilihat dari perspektif al-Mālikīyah, orang miskin berada dalam kedudukan dan tahap yang lebih teruk berbanding orang fakir.

Selain itu, menurut al-Ḥanafīyah dan al-Mālikīyah, fakir adalah mereka yang mempunyai sedikit harta daripada niṣāb harta atau harta yang mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup mereka, manakala miskin adalah mereka yang tidak mempunyai sebarang harta.²⁹ Tambahan pula, al-Ḥanafīyah menyatakan bahawa fakir adalah mereka yang tidak memintaminta, manakala miskin adalah mereka yang kerap meminta.³⁰ Secara ringkasnya, fakir ialah mereka yang masih dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan hidup mereka manakala mereka yang miskin tidak mempunyai apa-apa.

Secara keseluruhan, al-Mālikīyah dan al-Ḥanafīyah berpandangan bahawa golongan miskin menghadapi kesukaran hidup yang lebih berat berbanding golongan fakir. Pandangan ini berbeza daripada al-Shāfi'īyah dan al-Ḥanābilah, yang berpendapat bahawa keadaan fakir adalah lebih sukar berbanding miskin. Walau bagaimanapun, terdapat persamaan antara pandangan al-Shāfi'īyah dan al-Ḥanābilah dalam kaedah menentukan golongan fakir dan miskin. Selain itu, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa fakir dan miskin adalah sama, seperti yang dinyatakan

²⁷ Muḥammad bin Aḥmad bin Jazī al-Qalbī al-Gharnatī, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah li Ibn Jazī* (Bayrūt: Dār al-Kutub, 1998), 74.

²⁸ Ainina Mardhiyah Hishamuddin, Mohd Ashrof Zaki Yaakob dan Nurulaina Saidin et al., The Concept of 'Temporarily Poor' Asnaf in Zakat Distribution During the Covid-19 Pandemic. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 13 no.3 (2023), 480–481. 478-489

²⁹ Muḥī al-Dīn 'Abdul al-Ḥamīd, *Sabīl al-Fallāh Fī Nūr al-Lidāh* (Bayrūt: Dār al-Bāyruṭi, t.t.), 225-226.

³⁰ Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Mujtahid al-Rabānī Abī 'Abdullah Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī, *al-Jamī' al-Ṣaghīr* (Pakistan: Idārah al-Quran wa al-'Ulūm al-Islāmiyyah, 1990), 124.

oleh Abū Yūsuf al-Hanafī dan 'Ibn al-Qasīm al-Mālikī, tetapi pada hakikatnya jumhur tidak bersetuju dengan pendapat ini.³¹

HAD AL-KIFĀYAH

Istilah Ḥad al-Kifāyah merujuk kepada tahap keperluan minimum yang perlu dipenuhi oleh seseorang untuk meneruskan kehidupan bersama tanggungannya. Istilah ini dibentuk oleh para ulama berdasarkan nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah. Dari segi bahasa, "ḥad" bermaksud batas, manakala "al-kifāyah" bermaksud mencukupi. Secara konseptual, ia bukan sekadar had minimum keperluan hidup, tetapi juga mencakupi kadar kecukupan ekonomi yang membolehkan seseorang hidup dengan wajar. Konsep ini turut melibatkan istilah lain seperti al-ḥājjah al-aṣliyyah (keperluan asas) dan ḥad al-ghinā (tahap kekayaan). Ḥad al-Kifāyah berperanan penting dalam penentuan kelayakan zakat, sama ada seseorang itu layak menerima atau wajib membayar zakat. Jika pendapatan seseorang kurang daripada kadar ini, maka dia layak menerima zakat sehingga mencapai tahap mencukupi. Kadar ini boleh berubah mengikut keadaan, masa dan tempat. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pemerintah untuk menilai keperluan semasa agar pelaksanaan zakat berlaku dengan adil, memastikan hak penerima dan pembayar zakat dipelihara sesuai dengan ketetapan syarak.³²

Islam telah menggariskan tiga ciri utama yang perlu diberi perhatian dalam menentukan kecukupan keperluan hidup (ḥad al-kifāyah). Pertama, terdapat had atau limitasi dalam menentukan tahap keperluan yang wajar dalam sesebuah masyarakat. Ini bermaksud Islam tidak menggalakkan pembaziran atau gaya hidup mewah yang melampaui keperluan asas. Sebagai contoh, seseorang yang memiliki rumah, pakaian, makanan, dan kenderaan yang sederhana tetapi mencukupi untuk keperluan harian, dianggap telah mencapai tahap kifayah.³³

Kedua, keperluan hidup tidak semata-mata tertumpu kepada keperluan asas, sebaliknya turut memberi peluang kepada individu untuk meningkatkan sumber pendapatannya. Ini sejajar dengan prinsip *al-tanmiyah* (pembangunan) dalam Islam, di mana seseorang didorong untuk

³¹ Yūsuf 'Abdullah al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, jil. ke-2 (England: Dār al-Taqwā Ltd, 1999), 10-12.

³² Mansor Sulaiman et. al., "Had Al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia", 5

³³ Yūsuf 'Abdullah al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, jil. ke-2, 13-15.

berusaha keluar daripada kemiskinan secara berperingkat. Contohnya, selain menerima bantuan makanan, seseorang juga perlu diberikan peluang pendidikan atau latihan kemahiran agar dapat menjana pendapatan sendiri.³⁴

Ketiga, tahap kecukupan keperluan hidup adalah bersifat dinamik dan berubah mengikut masa dan konteks zaman. Keperluan seseorang pada masa kini mungkin berbeza dengan keperluan masyarakat terdahulu. Misalnya, akses kepada internet dan peranti digital boleh dianggap sebagai keperluan asas dalam era moden untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan. Oleh itu, senarai keperluan dalam pengiraan *ḥad al-kifāyah* perlu sentiasa dikemas kini agar relevan dengan realiti semasa.³⁵ Oleh kerana tiada satu nas yang khusus menjelaskan kadar atau jumlah tertentu bagi *ḥad al-kifāyah*, pemerhatian terhadap ketiga-tiga ciri ini amat penting sebagai asas dalam menentukan elemen-elemen utama yang perlu diambil kira dalam pengiraannya. Ini dapat dilihat dalam pendekatan institusi-institusi zakat di Malaysia yang seringkali merujuk kepada pandangan fuqaha serta data semasa dalam menentukan nilai garis kecukupan.³⁶

Tambahan pula, terdapat beberapa pandangan ulama yang membahaskan tentang penetapan *ḥad* dalam keperluan. Imām Mālik berpendapat bahawa persoalan tentang kadar penetapan ini memerlukan perbincangan mendalam di mana ijtihad perlu dilaksanakan melalui kajian-kajian dalam menetapkan *ḥad* atau kadar yang sewajarnya untuk menentukan keperluan hidup dalam sesebuah masyarakat.³⁷ Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kedinamikan *ḥad al-kifāyah* dalam berhadapan dengan isu-isu keperluan hidup manusia walaupun mengalami perubahan masa dan zaman. Perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam persoalan penentuan kadar keperluan hidup adalah ia haruslah merangkumi pemeliharaan terhadap lima kepentingan utama dalam *maqāṣid al-syarīah* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Justeru, terdapat tiga kategori dalam keperluan hidup yang selari dengan ciri-ciri penetapan kadar dalam keperluan hidup iaitu mengikut kelayakan seseorang menerima zakat, kadar dan penentuan kelayakan menerima zakat serta golongan yang dibenarkan meminta sedekah.

³⁴ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ṭūsiyy al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulūm Ad-Dīn*, 125.

³⁵ Pusat Pungutan Zakat MAIWP. *Laporan Tahunan 2022* (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2023), 38.

³⁶ *Ibid.* Lihat juga Yūsuf 'Abdullah al-Qarāḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, jil. ke-2, 13-15.

³⁷ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*, 876-877.

1. Elemen Pengukuran Multidimensi dalam Had al-Kifāyah

Penetapan elemen dalam had al-kifāyah perlulah diberi keutamaan untuk disandarkan kepada keperluan berbentuk al-darūriyyat. Keperluan al-darūriyyat ini merujuk kepada keperluan asas yang diperlukan oleh manusia untuk menjalani kehidupan secara normal seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan lain-lain keperluan yang dilihat bersesuaian. Penentuan keperluan had al-kifāyah merangkumi barangan keperluan asas kehidupan serta barangan yang meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Penetapan had al-kifāyah berdasarkan keperluan al-darūriyyat ini membantu dalam menentukan kadar bantuan yang sesuai, selain memudahkan proses mengenal pasti individu yang tergolong dalam kategori fakir dan miskin.

Terdapat 6 elemen yang telah diangkat sebagai ukuran dalam menetapkan kadar had al-kifāyah. Elemen-elemen tersebut adalah seperti berikut:³⁸

a) Makanan³⁹

Makanan termasuk dalam kategori kemudahan asas hidup yang paling penting. Setiap orang memerlukan makanan juga, yang termasuk dalam masalah al-darūriyyat untuk menjaga maqāsid al-syarīah di bawah pemeliharaan nyawa. Mazhab Maliki menganggap kecukupan bekalan makanan dalam tempoh satu tahun sebagai ukuran keperluan makanan asasi, yang juga berfungsi sebagai ukuran untuk menentukan sama ada seseorang itu fakir atau miskin. Dalam konteks semasa, pengukuran kecukupan makanan boleh dilakukan dengan menggunakan pendekatan yang lebih terperinci dan praktikal seperti penilaian kuantitatif berdasarkan kalori minimum harian dan penilaian status kecukupan makanan yang diambil kira berdasarkan Indeks Keselamatan Makanan yang digunakan secara meluas.⁴⁰

³⁸ Abdul Rahman Talib dan Hasan Ahmad, "Penilaian Kelayakan Asnaf fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah", *Journal of Humanities Technology and Civilization* 1, no. 4 (2019), 34-36.

³⁹ *Ibid.*, 34.

⁴⁰ World Health Organization, "Healthy Diet." *Laman sesawang World Health Organization*, Diakses pada 24 Mac 2025, <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/healthy-diet>. Lihat juga Food and Agriculture Organization, *The State of Food Security and Nutrition in the World 2021: Transforming Food Systems for Food Security, Improved Nutrition and Affordable Healthy Diets for All* (Rome: FAO, 2021), 32.

b) Tempat Tinggal⁴¹

Tempat tinggal adalah keperluan asas hidup kedua yang diperlukan bagi setiap individu yang berperanan untuk memelihara harta dan keturunan dalam konteks maqāsid al-syarīah. Dalam mazhab Shāfi'ī ada menjelaskan definisi keperluan hidup seseorang yang perlu ada dalam ḥad al-kifāyah merangkumi tempat tinggal sebagai tempat berteduh. Dalam memenuhi keperluan tempat tinggal juga perlu merangkumi penyediaan tempat tinggal dengan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang terlibat seperti sewa rumah, bil elektrik, bil air dan lain-lain.

c) Pakaian⁴²

Pakaian termasuk dalam kategori pemeliharaan agama dan keturunan dan merupakan keperluan asas yang penting dalam kehidupan. Ini kerana pakaian menjaga aib dan menutup aurat untuk mengelakkan pandangan yang boleh meningkatkan nafsu seksual. Hal ini selaras dengan perintah Allah SWT yang mengatakan bahawa manusia harus menutup aurat dan memakai tudung sehingga ke paras dada bagi kaum wanita untuk melindungi mereka daripada keinginan nafsu lelaki, seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۚ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۚ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّبِيعِينَ غَيْرِ أُولَى الْأَرْزَاقِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الْطِفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَتِ النِّسَاءِ ۚ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۚ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala

⁴¹ Ibid.

⁴² Ibid., 35.

mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman supaya kamu berjaya”.

(Surah An-Nur, 24: 31)

Selain itu, pakaian yang menutup aurat akan menjamin kesempurnaan dalam ibadah di mana syarat utama dalam melaksanakan ibadah haruslah berpakaian yang menutup aurat. Hal ini seiring dengan kewajiban untuk menutup aurat seperti mana yang disuruh oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW malah Imam Hanafi juga menyatakan kewajiban untuk menutup aurat ketika berada di khalayak ramai mahupun berseorangan.

d) Kesihatan⁴³

Kesihatan merupakan keperluan yang termasuk dalam kategori pemeliharaan nyawa dan agama. Tubuh badan yang sihat akan menjamin kesempurnaan dalam pelaksanaan ibadah dan memberi kekuatan dan kemampuan kepada seseorang untuk bekerja bagi mencari nafkah untuk diri dan tanggungan mereka. Keperluan kesihatan ini merangkumi aspek-aspek keperluan segala bentuk perubatan dan peralatan perubatan yang diperlukan oleh isi rumah seperti rawatan, pembelian ubat-ubatan di kedai ubat atau farmasi dan sebagainya.

e) Pendidikan⁴⁴

Pendidikan merupakan keperluan yang penting dalam memberi ruang kepada seseorang untuk memahami setiap hukum-hakam dalam Islam disamping mengelakkan diri daripada terjebak dengan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam sama ada bersifat fardu ain atau fardu kifayah. Melalui pendidikan, manusia akan jauh daripada kejahilan dan dengan ilmu

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*

pengetahuan yang dimiliki membolehkan manusia untuk meningkatkan kemajuan diri seiring dengan syarak. Pendidikan termasuk dalam kategori pemeliharaan agama, akal dan keturunan dalam konteks maqāṣid al-syarīah. Dengan potensi keupayaan manusia yang mampu berfikir menurut Ibn Khaldun, manusia dapat berinteraksi antara satu sama lain untuk tujuan kesejahteraan hidup termasuk membolehkan penerimaan segala ajaran-ajaran yang diberikan oleh Allah SWT melalui para Nabi-Nya.

f) Pengangkutan⁴⁵

Walaupun pengangkutan tidak termasuk dalam kategori al-ḍarūriyyat, namun ia masih menjadi satu keperluan al-ḥājīyyāt yang mengelakkan daripada kesulitan dan kesukaran serta memberi kemudahan kepada seseorang untuk menjalani kehidupan. Pada masa kini, keperluan pengangkutan tidak dilihat sebagai satu lambang kemewahan tetapi ia merupakan satu keperluan kepada seseorang untuk memudahkan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti pergerakan ke tempat kerja, mendapatkan sumber makanan, menuntut ilmu dan sebagainya.

Keenam-enam elemen di atas merupakan elemen utama yang digunakan dalam mengukur keperluan hidup seseorang melalui penetapan ḥad al-kifāyah. Kebanyakan institusi zakat menggunakan elemen-elemen di atas sebagai pengukur keperluan hidup seseorang berdasarkan ḥad al-kifāyah melalui polisi pengagihan zakat. Walau bagaimanapun, terdapat juga elemen-elemen lain yang ditambah baik dalam penetapan ḥad al-kifāyah mengikut keadaan sesuatu masa atau kawasan sebagai pelengkap kehidupan yang lebih selesa seperti elemen utiliti dan komunikasi.⁴⁶

2. Kategori Kadar dan Penentuan Kelayakan Menerima Zakat

Hadith pertama:

وَعَنِ الْحُسَيْنِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لِلْسَائِلِ حَقٌّ وَإِنْ جَاءَ عَلَى فَرَسٍ». رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَفِي الْمَصَابِيحِ: مُرْسَلٌ

⁴⁵ Ibid., 36.

⁴⁶ Azman Ab Rahman, "Had Kifayah Zakat di Malaysia" (Kertas kerja, Konvensyen Zakat Kebangsaan 2016, Dewan Kolej permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 11-12 Oktober 2016), 4.

*“Daripada al-Husain bin Ali berkata, Rasulullah SAW bersabda: Bagi pengemis itu ada hak, walaupun dia datang dengan berkuda”.*⁴⁷

Hadith di atas menjelaskan larangan untuk bersikap buruk sangka kepada golongan muslim malah sentiasa bersangka baik dan memuliakan mereka dengan menunjukkan rasa kegembiraan. Istilah ‘kuda yang ditunggangi’ dalam hadith di atas pula dapat diandaikan sebagai kuda yang biasa tanpa mempunyai sebarang hiasan dan penunggang tersebut termasuk dalam kategori golongan berharta serta layak menerima zakat disebabkan oleh menanggung bebanan tertentu atau hutang demi menyelesaikan masalah terhadap ahli keluarganya. Seterusnya hadith-hadith berikut menjelaskan tentang kadar yang mengkategorikan seseorang itu berada dalam golongan kaya.

Hadith kedua:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، عَنْ أَبِيهِ أَبِي سَعِيدٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ
اللَّهِ " مَنْ سَأَلَ وَلَهُ قِيَمَةُ أُوقِيَّةٍ فَقَدْ أَخْلَفَ " . فَقُلْتُ نَاقِيَتِي الْيَافُوتَةُ هِيَ
خَيْرٌ مِنْ أُوقِيَّةٍ . قَالَ هِشَامٌ خَيْرٌ مِنْ أَرْبَعِينَ دِرْهَمًا فَرَجَعْتُ فَلَمْ أَسْأَلْهُ شَيْئًا
زَادَ هِشَامٌ فِي حَدِيثِهِ وَكَانَتْ الْأُوقِيَّةُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ أَرْبَعِينَ دِرْهَمًا

*“Diriwayatkan dari Abu Sa'id al-Khudri: Nabi SAW bersabda: Sekiranya ada yang meminta ketika dia memiliki sesuatu yang setara dengan nilai uqiyah, dia telah meminta dengan tidak sopan. Maka saya berkata: unta betina saya Yaqutah, lebih baik daripada satu uqiyah. Versi Hisham berbunyi: Lebih baik daripada empat puluh dirham. Oleh itu, saya kembali dan tidak meminta apa-apa darinya. Hisham menambahkan dalam versinya: "Uqiyah pada zaman Rasulullah SAW setara dengan empat puluh dirham”*⁴⁸

⁴⁷ Kitāb al-Buyu', Bāb al-Ijārah- al-Faslu As-Thanī, No Hadith: 2988. Lihat Muḥammad 'Ibn Abd 'Allāh Khātib al-Tibrizī, Mishkat al-Maṣābīḥ (Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, Publisher & Bookseller, 1963), 156.

⁴⁸ Hadith riwayat Abū Dāwud, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Yu'tī Min al-Sadaqah, wa Ḥad al-Ghinā, no. Hadith 1628, Lihat Abū Dāwud, Imām al-Ḥāfiẓ Sulāimān bin al-Asy'as as-Sajastānī, *Ṣaḥīḥ Sunān Abu Dāwud*, 471.

Hadith ketiga:

حَدَّثَنَا سَهْلُ بْنُ الْحَنْظَلِيَّةِ، قَالَ قَدِمَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ عُمَيْيَةُ بْنُ حِصْنٍ وَالْأَفْرَغُ بْنُ حَابِسٍ فَسَأَلَاهُ فَأَمَرَ هُمَا بِمَا سَأَلَا وَأَمَرَ مُعَاوِيَةَ فَكَتَبَ هُمَا بِمَا سَأَلَا فَأَمَّا الْأَفْرَغُ فَأَخَذَ كِتَابَهُ فَلَقَّاهُ فِي عِمَامَتِهِ وَانْطَلَقَ وَأَمَّا عُمَيْيَةُ فَأَخَذَ كِتَابَهُ وَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَانَهُ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ أَتَرَانِي حَامِلًا إِلَى قَوْمِي كِتَابًا لَا أَذْرِي مَا فِيهِ كَصَحِيفَةِ الْمُتَلَمِّسِ . فَأَخْبَرَ مُعَاوِيَةُ بِقَوْلِهِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " مَنْ سَأَلَ وَعِنْدَهُ مَا يُغْنِيهِ فَإِنَّمَا يَسْتَكْثِرُ مِنَ النَّارِ " . وَقَالَ النَّفِيلِيُّ فِي مَوْضِعٍ آخَرَ " مِنْ جَمَرِ جَهَنَّمَ " . فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا يُغْنِيهِ وَقَالَ النَّفِيلِيُّ فِي مَوْضِعٍ آخَرَ وَمَا الْعِنَى الَّذِي لَا تَنْبَغِي مَعَهُ الْمَسْأَلَةُ قَالَ " قَدَرُ مَا يُغَدِّيهِ وَيُعَشِّيهِ " . وَقَالَ النَّفِيلِيُّ فِي مَوْضِعٍ آخَرَ " أَنْ يَكُونَ لَهُ شَبَعُ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ أَوْ لَيْلَةٍ وَيَوْمٍ " . وَكَانَ حَدَّثَنَا بِهِ مُخْتَصِرًا عَلَى هَذِهِ الْأَلْفَافِ الَّتِي ذُكِرَتْ.

"Diriwayatkan dari Sahl ibn Hanzaliyyah: Uyaynah ibn Hisn dan Aqra 'ibn Habis mendatangi Rasulullah SAW. Mereka memohon darinya. Dia memerintahkan untuk memberikan apa yang mereka minta. Dia memerintahkan Mu'awiyah untuk menulis dokumen untuk memberikan apa yang mereka minta. Aqra' mengambil dokumennya, membungkus serbannya dan pergi. Adapun Uyaynah, dia mengambil dokumennya dan datang kepada Nabi SAW di rumahnya dan berkata kepadanya: Muhammad, adakah kamu melihatku? Saya membawa dokumen kepada umat saya, tetapi saya tidak tahu apa yang terdapat di dalamnya, seperti dokumen al-Mutalammis. Mu'awiyah memberitahu Rasulullah SAW mengenai pernyataannya. Oleh itu, Rasulullah SAW bersabda: Dia yang meminta (dari orang-orang) ketika dia sudah cukup hanya meminta sejumlah besar api neraka. (An-Nufayl (pemancar) mengatakan di tempat lain: Bara Neraka). Mereka bertanya: Wahai Rasulullah, apakah itu mencukupi? (Di tempat lain an-Nufayl berkata: Apakah kecukupan yang membuat pengemis tidak sesuai?) Dia menjawab: Itulah yang menyediakan makanan pagi dan malam. (Di tempat lain an-Nufayl berkata: Ia adalah ketika seseorang mempunyai cukup

untuk siang dan malam atau untuk malam dan siang.) Dia (an-Nufayl) menceritakan kepada kami hadith ini secara ringkas dengan kata-kata yang telah saya sebutkan”⁴⁹

Hadith keempat:

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ، حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ آدَمَ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، عَنْ حَكِيمِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَزِيدَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " مَنْ سَأَلَ وَلَهُ مَا يُغْنِيهِ جَاءَتْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خُمُوشٌ - أَوْ خُدُوشٌ - أَوْ كُدُوحٌ - فِي وَجْهِهِ " . فَقِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْغِنَى قَالَ " خَمْسُونَ دِرْهَمًا أَوْ قِيمَتُهَا مِنَ الذَّهَبِ " . قَالَ يَحْيَى فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُثْمَانَ لِسُفْيَانَ حِفْظِي أَنَّ شُعْبَةَ لَا يَرْوِي عَنْ حَكِيمِ بْنِ جُبَيْرٍ فَقَالَ سُفْيَانُ فَقَدْ حَدَّثَنَاهُ زُبَيْدٌ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَزِيدَ

“Diriwayatkan dari Abdullah bin Mas’ud: Nabi SAW bersabda: Dia yang meminta (dari orang) ketika dia makmur akan datang pada hari kiamat dengan goresan, calar, atau luka di wajahnya. Dia ditanya: Apa yang dimaksud dengan kemakmuran, ya Rasulullah? Dia menjawab: Ini adalah lima puluh dirham atau nilainya dalam emas. Perawi Yahya berkata: Abdullah bin Sufyan berkata kepada Sufyan: Saya ingat bahawa Shu’bah tidak meriwayatkan dari Hakim ibn Jubayr. Sufyan berkata: Zubayr menyampaikan kepada kami tradisi ini dari Muhammad ibn Abdul Rahman ibn Yazid.”⁵⁰

Berdasarkan hadith-hadith di atas, seseorang itu dikategorikan sebagai kaya apabila mempunyai kemampuan untuk mendapatkan sumber makanan yang mencukupi (sehingga kenyang) dan mempunyai harta pegangan yang bernilai (aset) dengan kadar 1 ‘uqiah iaitu bersamaan 40-50 dirham. Oleh yang demikian, terdapat beberapa ulama telah menetapkan penanda aras dalam menentukan tahap kekayaan seseorang. Ulama-ulama seperti, al-Thauri, Ibnu al-Mubarak dan Ahmad Isحاق telah berpendapat bahawa pemilikan harta sebanyak 50 dirham adalah penanda aras kekayaan

⁴⁹ Hadith riwayat Abū Dāwud, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Yu’ti Min al-Sadaqah, wa Had al-Ghinā, no. Hadith 1629, Lihat Abū Dāwud, Imām al-Ḥāfiz Sulāimān bin al-Asy’as as-Sajastānī, *Ṣaḥīḥ Sunān Abu Dāwud*, 471-472.

⁵⁰ Hadith riwayat Abu Dawud, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Zakat, Bab Man Yu’ti Min al-Sadaqah, Wa Had al-Ghina’, no. Hadith 1626, *Ibid.*, 468-470.

seseorang dan ini telah menghilangkan kelayakan mereka untuk menerima zakat.⁵¹ Tambahan pula, Abū Ubaīd al-Qassīm bin Salām telah menetapkan penanda aras kekayaan seseorang sekali gus menghilangkan kelayakan untuk menerima zakat adalah pada pemilikan harta bernilai sekurang-kurangnya 40 dirham.⁵²

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian ulama yang tidak menetapkan sebarang kadar atau penanda aras dalam mengukur kekayaan seseorang. Imām al-Shāfiʿī menetapkan had kekayaan seseorang itu apabila semua keperluan asas kehidupan seseorang telah dipenuhi dengan cukup tanpa mengukur berdasarkan nilai kewangan seseorang. Beliau juga berpendapat jika seseorang itu tidak mempunyai harta 200 dirham tetapi jika keperluan hidupnya telah mencukupi maka, tidak diharuskan kepada mereka untuk menerima zakat. Begitu juga sebaliknya jika seseorang mempunyai harta dengan nilai seperti di atas, namun jika dia mempunyai perbelanjaan yang besar yang membebankan untuk menanggung ahli keluarganya, maka diharuskan kepada mereka untuk menerima zakat.⁵³

Oleh itu, ḥad al-kifāyah tidak mempunyai kadar tertentu, dan aspek yang diambil kira adalah berdasarkan keperluan semasa, yang merujuk kepada tempat, masa dan keadaan seseorang. Sehubungan itu, kenderaan bukanlah lagi lambang kemewahan atau keperluan hidup. Jika pendapatan seseorang tidak mencukupi untuk membayar pembiayaan untuk kenderaan yang diperlukan (bukan bermewah-mewah) mengikut tuntutan semasa, ia juga boleh dianggap sebagai bebanan yang melayakkannya untuk menerima zakat.

3. Kategori Golongan yang Dibenarkan Meminta Sedekah

Hadith pertama:

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدَبٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِنَّ
الْمَسْأَلَةَ كَذٌّ يَكْذُ بِهَا الرَّجُلُ وَجَهَهُ إِلَّا أَنْ يَسْأَلَ الرَّجُلُ سُلْطَانًا أَوْ فِي أَمْرِ
لَا بُدَّ مِنْهُ " . قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

⁵¹ Mansor Sulaiman et.al., "Had Al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia", 9.

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.*

*“Daripada Samurah bin Jundub berkata, Rasulullah bersabda: Sesungguhnya meminta-minta sama seperti seorang menggores wajahnya melainkan permintaan seseorang kepada sultan/pemerintah atau permintaan terhadap sesuatu yang beliau terpaksa meminta”.*⁵⁴

Berdasarkan hadith di atas, seseorang itu diharuskan untuk meminta zakat daripada pihak pemerintah dan zakat juga harus diminta sekiranya berlaku dalam situasi-situasi kecemasan. Seterusnya, terdapat hadith yang menggesa agar ta'āffuf daripada meminta-minta kecuali dalam keadaan yang sangat memerlukan seperti dijelaskan dalam hadith dibawah:

Hadith kedua:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " لَأَنْ يَغْدُوَ أَحَدُكُمْ فَيَخْطُبَ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَتَصَدَّقَ بِهِ وَيَسْتَعْنِيَ بِهِ مِنَ النَّاسِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ رَجُلًا أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ ذَلِكَ فَإِنَّ الْيَدَ الْعُلْيَا أَفْضَلُ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى وَإِبْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ "

*“Daripada Abu Hurairah berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda bahawa seseorang kamu di pagi hari pergi mencari dan memikul kayu api di atas belakangnya, lalu hasil yang diperoleh disedekahkan kepada orang lain serta memenuhi keperluannya tanpa meminta kepada orang lain, adalah lebih baik daripada meminta dan mengemis baik diberi atau tidak diberi”.*⁵⁵

Walaupun diberi kebenaran untuk meminta, jika seseorang itu meminta dalam keadaan yang tidak memerlukan dan hanya untuk menambah hartanya, maka ia merupakan perbuatan yang diharamkan.⁵⁶ Berdasarkan kedua-dua hadith di atas, jelas menegaskan bahawa Islam tidak

⁵⁴ Hadith riwayat Tarmidzī, Kitāb al-Zakāh, Man Jā'a fī Nahī 'An Mas'alati, no Hadith: 681. Lihat Tarmidzī, Abū Isā Muḥammad bin Isā bin Sāwrah bin Mūsā bin al-Ḍaḥḥāk, *Sunān Tarmidzī* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'āruf lil Nasyarā wal Tāwzi', 1998), 171.

⁵⁵ Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Zakāh, Bāb Karāhah al-Mas'alati Līl an-Nās, no. hadith 1042. Lihat Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj Ibn al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Imām Muḥy al-Dīn al-Nawawī*, 721.

⁵⁶ Al-Shāwḥānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Abdullah, *Fatḥ al-Qadr* (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1993), 162.

menggalakkan umatnya untuk meminta-minta dan menggesa kepada mereka yang mengalami masalah kekurangan keperluan hidup agar berusaha untuk meningkatkan ekonomi diri demi memenuhi keperluan hidup. Walau bagaimanapun, perbuatan meminta-minta bukanlah suatu perbuatan yang keji di sisi Islam dan masih dibenarkan dalam keadaan-keadaan tertentu, cuma perbuatan ini bukanlah sewenang-wenangnya boleh diamalkan apatah lagi bertujuan untuk berlebih-lebihan dalam pemilikan harta sehinggakan Islam memberi ancaman di akhirat kepada mereka yang gemar meminta-minta.

Secara umumnya hadith-hadith di atas menjelaskan tentang konsep kecukupan dalam memenuhi keperluan hidup. Ciri-ciri ketidakcukupan boleh dikembangkan secara meluas dalam konteks kemiskinan yang boleh dikaitkan dengan keadaan kesulitan, menanggung bebanan hutang disebabkan berlaku sesuatu insiden kesulitan terhadap diri atau ahli keluarga yang ditanggung sehingga mendesak seseorang untuk berhutang. Selain itu, isu kehilangan pekerjaan juga boleh dikaitkan dengan masalah kekurangan sumber pendapatan untuk menampung perbelanjaan kehidupan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa, seseorang yang mempunyai harta tetapi jika mengalami sebarang musibah sehingga mengganggu gugat pendapatan dan pemilikan hartanya jatuh lebih rendah daripada had kehidupan yang sempurna (*ḥad al-kifāyah*), ia masih layak untuk menerima zakat.

4. Kategori Kelayakan Menerima Zakat

Hadith pertama:

هَذَا خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ تَجِيءَ الْمَسْأَلَةَ نُكْتَةً فِي وَجْهِكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ
الْمَسْأَلَةَ لَا تَصْلُحُ إِلَّا لِثَلَاثَةٍ لَدِي فَقْرٍ مُدْقِعٍ أَوْ لَدِي غُرْمٍ مُفْطَعٍ أَوْ لَدِي
دَمٍ مُوجِعٍ

“Rasulullah SAW kemudian bersabda: Sesungguhnya jika kamu meninggalkan perbuatan meminta-minta, itu adalah lebih baik bagimu daripada datang pada hari kiamat dengan bekas mengemis yang kelihatan pada wajahmu. Meminta-minta itu hanya dibolehkan untuk tiga golongan sahaja: seseorang yang sedang dalam kemiskinan yang teruk, seseorang yang berhutang berat, atau orang yang

bertanggungjawab untuk membayar pampasan (diyat) dan sukar membayarnya”⁵⁷

Hadith yang diriwayatkan oleh Anas ibn Mālik di atas menjelaskan tentang golongan yang layak menerima zakat iaitu mereka yang berada dalam kategori miskin tegar, penghutang yang mempunyai masalah untuk melangsaikan hutangnya sehingga terpaksa melakukan kerja-kerja berat bagi membayar hutang tersebut dan mereka yang perlu mencari sumber kewangan bagi membayar diyat untuk pihak keluarganya. Selain itu, terdapat juga larangan menerima zakat yang diberikan kepada golongan kaya yang memiliki kudrat untuk bekerja seperti dalam hadith berikut:

Hadith kedua:

حَدَّثَنَا عَبْدُ بْنُ مُوسَى الْأَنْبَارِيُّ الْخُتَلَبِيُّ، حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ، - يَعْنِي ابْنَ سَعْدٍ - قَالَ أَخْبَرَنِي أَبِي، عَنْ رَجُلَانِ بْنِ يَزِيدَ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِعَنِيٍّ وَلَا لِذِي مِرَّةٍ سَوِيٍّ "

“Nabi SAW bersabda: Sedekah tidak boleh diberikan kepada orang kaya atau orang yang mempunyai kekuatan dan anggota badan yang kuat”⁵⁸

Dalam hadith di atas, istilah mirrah adalah lafaz mutlak yang merujuk kepada kekuatan untuk bekerja bagi memperolehi pendapatan. Hadith di atas berkait rapat dengan hadith di bawah yang menjelaskan tentang kekuatan bekerja seperti berikut:

Hadith ketiga:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا عِيسَى بْنُ يُونُسَ، حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ بْنِ الْحَيَّارِ، قَالَ أَخْبَرَنِي رَجُلَانِ، أَهْمَا أَتَيَا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ وَهُوَ يَقْسِمُ الصَّدَقَةَ فَسَأَلَاهُ مِنْهَا

⁵⁷ Hadith riwayat Abū Dāwud, Kitāb al-Zakāh, Bāb Mā Tajūz Fih al-Masalah, no hadith 1641, Lihat Abū Dāwud, Imām al-Ḥāfiz Sulaimān bin al-Asy’as as-Sajastānī, *Ṣaḥīḥ Sunān Abu Dāwud* (Riyādh: Maktabah al-Ma’arūf lil Nasyārā wal Tāwzī’, 1998), 456.

⁵⁸ Hadith riwayat Abū Dāwud, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Yu’tī Min al-Sadaqah, wa Ḥad al-Ghinā, no. Hadith 1634, Lihat Abū Dāwud, Imām al-Ḥāfiz Sulaimān bin al-Asy’as as-Sajastānī, *Ṣaḥīḥ Sunān Abu Dāwud*, 475-476.

فَرَفَعَ فِينَا الْبَصَرَ وَحَفَظَهُ فَرَأَانَا جُلْدَيْنِ فَقَالَ " إِنْ شِئْتُمَا أُعْطِيتُكُمَا وَلَا حَظٌّ فِيهَا لِغَنِيِّي وَلَا لِقَوِيٍّ مُكْتَسِبٍ ".⁵⁹

"Daripada Ubaidillah bin Adi bin al-Khiyar berkata bahawa dua orang pemuda memberitahunya bahawa mereka berdua telah mendatangi Nabi SAW dan meminta kepadanya sedekah, lalu Nabi merenung mereka lalu bersabda: "Sekiranya kamu mahu, aku akan berikan kepada kamu berdua dan tiadalah bahagian sedekah ini bagi orang kaya dan juga orang kuat yang boleh memperoleh pendapatan (bekerja)." ⁵⁹

Berdasarkan hadith di atas, ia merujuk kepada istilah kekuatan bekerja sehingga mampu menghasilkan pendapatan. Hadith tersebut menjelaskan tentang kekuatan yang dimiliki oleh seseorang bukanlah penentu terhadap kelayakan untuk menerima zakat, namun jika kekuatan tersebut mampu membuatkan seseorang itu bekerja dan meraih pendapatan barulah dia dikategorikan sebagai tidak layak menerima zakat. Ini bermakna, seseorang itu masih layak untuk menerima zakat walaupun dia mempunyai kekuatan tetapi tidak mempunyai pekerjaan untuk memperoleh pendapatan. Tambahan pula, pekerjaan dalam konteks hadith tersebut merujuk kepada kerja yang boleh memperoleh pendapatan bagi memenuhi keperluan hidup seseorang.

KEMISKINAN JIWA

Kemiskinan jiwa merupakan satu dimensi yang bersifat subjektif dalam mengukur aspek dalaman seseorang individu. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, kemiskinan tidak wajar untuk dilihat dari perspektif kewangan (pendapatan) dan barangan semata-mata tetapi perlu dinilai dari aspek dalaman seseorang. Islam melihat setiap manusia mempunyai satu anggota kecil yang mampu untuk mengendali dan mengorganisasikan semua organ dalam tubuh badan yang lain iaitu hati seperti mana dalam sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh An-Nu'man bin Bashir:⁶⁰

⁵⁹ Hadith riwayat Abū Dāwud, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Yu'tī Min al-Sadaqah, wa Had al-Ghinā, no. Hadith 1633, Lihat Abū Dāwud, Imām al-Ḥāfiz Sulāimān bin al-Asy'as as-Sajastānī, *Ṣaḥīḥ Sunān Abu Dāwud*, 75.

⁶⁰ Rosni Wazir, "Tuntutan Kesihatan Mental Menurut Maqasid Al-Sunnah" (Prosiding, Persidangan Antarabangsa Isu-Isu Semasa Al-Quran dan Hadis (THIQAH 2020), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 21-24 Februari 2020), 6-13.

وَأَنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ
الْجَسَدُ كُلُّهُ. أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

“Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati”⁶¹

Berdasarkan hadith di atas, hati memainkan peranan yang sangat besar sebagai penentu kepada hala tuju hidup manusia sama ada ke arah kebaikan atau keburukan. Bagi memelihara kesejahteraan jiwa, penjagaan hati perlulah diambil berat bagi memastikan setiap apa yang dilakukan oleh manusia membawa ke arah kebaikan. Justeru, indikator yang dibangunkan dalam dimensi ini haruslah berpaksikan kepada soal hati dalam setiap manusia.

Secara umumnya, kepercayaan berkait rapat dengan kesempurnaan agama Islam yang meliputi 3 komponen asas iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Islam adalah agama yang bersifat universal dalam kehidupan manusia. Untuk mencapai kesempurnaan dalam hidup, Islam menganjur agar setiap umatnya untuk mentaati segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangannya. Kepatuhan ini bukan sekadar menyerahkan diri tetapi ia disertakan sekali dengan keyakinan terhadap kekuasaan dan keagungan yang dimiliki oleh Allah SWT. Oleh itu, orang yang beriman perlulah menjadi seorang yang beramal untuk memanifestasikan keimanannya kepada setiap rukun iman.⁶² Hasil dari kepercayaan terhadap rukun-rukun iman ini akan membuatkan seseorang mukmin itu menyerahkan segala jiwa dan urusan kehidupannya hanya kepada Allah SWT selari dengan contoh teladan yang dibawa oleh Nabi Muhamad SAW. Keimanan seseorang akan dapat mengeluarkan mereka dari ketundukan hawa nafsu kepada ketaatan sepenuhnya kepada Allah SWT seperti dalam firman-Nya yang bermaksud:

⁶¹ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Imān, Bāb Fadlī Man Istabrah'a Lidīnihi, no. hadith 52. Lihat al-Bukhārī, Abī 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Ju'fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 23.

⁶² Mohd Nasir Masroom, Siti Norlina Muhammad dan Siti Aisyah Panatik @ Abd Rahman, “Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa”, (kertas kerja, Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam (SePPIM13), Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru, 17-18 September 2013), 4.

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

“Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka Sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata”

(Surah al-Ahzab, 33: 36)

Dalam konteks kehidupan sosial, iman meliputi semua aspek kehidupan manusia. Hal ini kerana setiap perbuatan dan tingkah laku manusia dimulakan dengan niat sedangkan niat merupakan komunikasi manusia dengan tuhan yang berkait rapat dengan motivasi dan matlamat tingkah laku. Dengan erti kata lain, setiap aktiviti sosial manusia perlulah berlandaskan kepada nilai-nilai murni seperti kejujuran, persaudaraan, tolong menolong dan sebagainya kerana perbuatan seseorang muslim tidak hanya berkait dengan soal hati semata-mata tetapi berkait dengan soal perbuatan dan lisan yang mengangkat nilai kemanusiaan dalam batas-batas tertentu. Apabila wujudnya integrasi diantara kesemua elemen ini, secara tidak langsung hubungan terhadap tuhan dan sesama manusia akan terpelihara dan membawa implikasi kebahagiaan didunia dan akhirat.⁶³ Kesejahteraan hidup didunia dan akhirat perlu mengambil kira 3 aspek penting yang terdiri daripada pemahaman terhadap konsep iman, Islam dan ihsan seperti yang dijelaskan dalam hadith dibawah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَارِزًا يَوْمًا لِلنَّاسِ، فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ فَقَالَ مَا الْإِيمَانُ قَالَ " الْإِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَبِلِقَائِهِ وَرُسُلِهِ، وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثِ ". قَالَ مَا الْإِسْلَامُ قَالَ " الْإِسْلَامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكَ بِهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤَدِّيَ الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ ". قَالَ مَا الْإِحْسَانُ قَالَ " أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ ".

“Dari Abu Hurairah berkata; bahwa Nabi SAW pada suatu hari muncul kepada para sahabat, lalu datang Malaikat Jibril

⁶³ David Subhi, "Keimanan: Iman Dalam Prsefektif Islam" (Artikel, OSF Preprints, 26 November 2020, doi:10.31219/osf.io/ukbs4), 5.

*'Alaihis Salam yang kemudian bertanya: "Apakah iman itu?" Nabi SAW menjawab: "Iman adalah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, pertemuan dengan-Nya, Rasul-Rasul-Nya, dan kamu beriman kepada hari berbangkit". (Jibril 'Alaihis salam) berkata: "Apakah Islam itu?" Jawab Rasulullah SAW "Islam adalah kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukannya dengan suatu apapun, kamu dirikan shalat, kamu tunaikan zakat yang diwajibkan, dan berpuasa di bulan Ramadan". (Jibril 'Alaihi salam) berkata: "Apakah ihsan itu?" Nabi SAW menjawab: "Kamu menyembah Allah seolah-olah melihat-Nya dan bila kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia melihatmu."*⁶⁴

Berdasarkan hadith di atas, keimanan seseorang diterjemahkan melalui amal ibadah yang berpandukan kepada rukun Islam. Rukun Islam berperanan sebagai perbuatan untuk menunjukkan keimanan dan kepercayaan seseorang. Hal ini menunjukkan rukun Islam berperanan sebagai penghubung di antara manusia dengan Allah SWT sebagai medium komunikasi bagi memenuhi segala permintaan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih bahagia. Kemudian, ia akan disusuli dengan usaha yang berterusan melalui pekerjaan yang dilakukan demi mencapai matlamat hidup yang dikehendaki.⁶⁵

Setiap pekerjaan yang dilaksanakan hanya ditumpukan untuk mencapai keredhaan Allah SWT merupakan salah satu ibadat menurut konsep ihsan yang mana tidak disertakan dengan tujuan-tujuan lain. Kesan daripada sikap ihsan ini menyebabkan seseorang berasa lebih bertanggungjawab ke atas pekerjaannya sehingga pekerjaan itu dilakukan dengan penuh kejujuran dan amanah. Hal ini kerana, dia berasa yakin bahawa segala aktiviti yang dilakukan olehnya dilihat oleh Allah SWT dan ia akan menimbulkan rasa malu jika sesuatu pekerjaan itu tidak dilakukan dengan beretika atau tidak amanah.⁶⁶ Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

⁶⁴ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Imān, Bāb Su'ali Jibrīl An-Nabī Sallāllahu Alāihi Wasalam 'An al-Imān wa Islām wa Iḥsan wa 'Ilmi as-Sāah, no hadith 50. Lihat al-Bukhārī, Abī 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Ju'fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 23.

⁶⁵ Mohd Nasir Masroom, Siti Norlina Muhammad dan Siti Aisyah Panatik @ Abd Rahman, "Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa", 5.

⁶⁶ *Ibid.*, 4.

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ ﴿٩٠﴾

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya”

(Surah An-Nahl, 16: 90)

Selain kepercayaan, kebahagiaan juga merupakan indikator penting dalam mengukur jiwa seseorang. Kebahagiaan dapat dibahagikan kepada 2 bentuk iaitu kebahagiaan material dan kebahagiaan jiwa. Kebahagiaan material mempunyai risiko untuk berhadapan dengan penyesalan, kesedihan dan memberi kesan kepada perkembangan jiwa manakala kebahagiaan jiwa merupakan kebahagiaan yang sempurna yang membawa kepada peningkatan darjat manusia disisi Allah SWT. Kebahagiaan jiwa akan dapat diperolehi melalui pengenalan terhadap diri, Allah SWT, dunia dan akhirat. Manusia akan berasa bahagia apabila mampu mengenali keempat-empat perkara tersebut dan di antara empat perkara ini, kebahagiaan tertinggi pada jiwa seseorang manusia apabila dia mampu untuk mengenali Allah SWT (ma'rifatullah).⁶⁷

Kebahagiaan akan dapat diperolehi apabila manusia mampu untuk mengenal keempat-empat perkara ini malah ia tidak akan dicapai secara tiba-tiba dan ia memerlukan tindak tanduk yang membawa manusia ke arah mencapai kebahagiaan.⁶⁸ Justeru, manusia perlu sentiasa mengenal kemampuan diri dan sedar akan taraf hidup agar sentiasa berusaha mencapai kejayaan serta sedar bahawa setiap rezeki yang diperolehi adalah hasil kurniaan Allah SWT. Tambahan pula, usaha dalam mencapai kebahagiaan tidak hanya perlu tertumpu pada soal mengumpul kekayaan di dunia sahaja tetapi ia juga perlu mengambil kira soal mengumpul kekayaan rohani sebagai bekalan di akhirat nanti. Maka, dalam mencari kebahagiaan hidup, ia dapat diperolehi melalui beberapa ukuran seperti 1) ketakwaan; 2) tafaqquh fid-dien; 3) amal soleh; 4) sabar; 5) syukur; 6) tazkiyatun al-nafs; 7) amar ma'ruf nahi mungkar; 8) mencari dan mendapatkan reda Allah

⁶⁷ Nanum Sofia dan Endah Puspita Sari, Indikator Kebahagiaan (Al-Sa'adah) dalam Perspektif al-Quran dan Hadis, *Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi* 23, no.2 (2018), 95.

⁶⁸ *Ibid.*, 96.

SWT; 9) jihad jiwa dan harta; 10) Ishlah (memperbaiki diri, bertaubat, meminta ampun, doa, zikir (mendekatkan diri kepada Allah SWT); 11) mendapat petunjuk; 12) mendapatkan rahmat dan kurnia Allah SWT; 13) berserah diri; 14) uswah hasanah (contoh teladan); 15) menolak kejahatan dengan kebaikan serta; 16) menjaga lisan dan perbuatan.⁶⁹

Dalam kehidupan ini, manusia tidak akan terlepas daripada diuji walau di mana mereka berada. Namun, selagi mana mereka menjalankan hubungan yang baik dengan Allah SWT dan hubungan yang baik dengan manusia maka, setiap ujian dan rintangan yang diterima dapat dilalui dengan baik. Pembinaan kecerdasan jiwa mempunyai matlamat-matlamat tertentu yang dapat dibahagikan kepada 4 perkara iaitu:⁷⁰

1. Meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT.

Orang ramai memerlukan suatu dorongan yang boleh menggerakkan mereka untuk sentiasa diberi taufik dan hidayah untuk terus istiqamah dalam melakukan amal wajib. Oleh itu, Allah SWT telah memberikan kekuatan dengan memberi manusia dua pilihan: kebaikan (kaya) dan keburukan (miskin).

2. Mengembalikan fitrah semula jadi.

Tujuannya adalah untuk mengembalikan rasa hidup yang bertuhan. Alam semesta ini, di mana manusia mengiktiraf Allah SWT sebagai tuhan, tempat mereka menyembah, dan di mana mereka meminta rezeki dan bantuan, mendorong mereka untuk mencari dan berfikir tentang penciptaannya.

3. menguatkan diri dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Ia penting untuk membina kekuatan untuk menghadapi cabaran yang akan datang dalam kehidupan. Sangat penting bagi manusia untuk mempunyai kekuatan jiwa dan rohani kerana ia mendorong mereka untuk memahami agama, bertakwa, mencintai kebaikan, hak dan keadilan dan membenci keburukan, kebatilan dan kezaliman. Hal ini adalah penting untuk memberi anda kekuatan untuk menghadapi kesukaran kehidupan.

4. Bijak menggunakan masa dan rasa bertanggungjawab.

Ia mempunyai keupayaan untuk menghasilkan individu yang mempunyai keseimbangan yang munasabah antara keperluan fizikal dan rohani mereka untuk menjalani kehidupan. Kebijaksanaan dalam pengurusan,

⁶⁹ *Ibid.*, 101.

⁷⁰ Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail, "Matlamat Kecerdasan Rohaniah Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Hadhari* 8, no. 1 (2016), 173-181.

keperibadian yang kuat dan rasa bertanggungjawab untuk setiap tindakan akan dihasilkan daripada manusia yang mempunyai keseimbangan ini.

Selama ini, kemiskinan hanya dilihat dari aspek kekurangan dalam material. Walau bagaimanapun, kemiskinan tidak wajar dilihat hanya dari perspektif harta benda semata-mata kerana ia juga perlu dinilai dari aspek spiritual. Pendefinisian kemiskinan dalam Islam merujuk kepada kewujudan masalah kekurangan pada aspek harta benda dan spiritual. Hal ini bertepatan dengan hadith Rasulullah SAW seperti berikut:

عن أبي هريرة، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ليس الغنى عن كثرة العرض، ولكن الغنى غنى النفس

“Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Kekayaan itu tidak terletak pada banyaknya jumlah harta dunia, tetapi kekayaan itu adalah terletak pada kekayaan hati”⁷¹

Berdasarkan hadith di atas, ia menerangkan bahawa hakikat kekayaan bukanlah dengan banyaknya jumlah harta. Hal ini kerana kebanyakan manusia yang dilapangkan hartanya tidak puas dengan harta yang telah dimilikinya malah sentiasa berusaha untuk menambah hartanya kerana kekayaan sebenarnya adalah kekayaan jiwa iaitu orang yang merasa cukup dengan pemberian kepadanya (qona’ah), redha dan tidak tamak dalam mencari harta. Hadith di atas juga mengingatkan manusia bahawa orang yang kaya harta boleh dikategorikan sebagai orang miskin disebabkan oleh kelemahan jiwa. Miskin spiritual dianalogikan seperti mereka yang miskin material seperti contoh orang kaya yang enggan mengeluarkan zakat dan sedekah oleh kerana jiwa atau hatinya yang miskin dari sifat-sifat mahmudah kerana ingkar dengan perintah Allah SWT.

Kemiskinan jiwa merupakan aspek yang sering diabaikan dalam kajian-kajian kemiskinan sedia ada. Kemiskinan jiwa dilihat pada kemampuan seseorang dalam memenuhi keperluan spiritualnya. Ini bermakna, sekiranya seseorang tidak mampu memenuhinya, maka ia boleh dianggap sebagai miskin jiwa. Kemiskinan pada dasarnya terbahagi kepada dua iaitu kemiskinan yang bersifat material dan jiwa. Kemiskinan material berkaitan masalah kekurangan dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan manakala kemiskinan

⁷¹ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Riqāq, bāb al-Ghinā Ghinā an-Nafs, no hadis 6446. Lihat al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Ju‘fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1606.

jiwa adalah kekurangan berkaitan pelaksanaan ibadah dan perintah Allah SWT serta pengawalan diri daripada tingkah laku yang tidak baik seperti sifat malas, suka menipu dan pelbagai sifat buruk lain. Seseorang manusia boleh mengalami kemiskinan jiwa walaupun memiliki kekayaan harta.⁷² Melalui pendefinisian yang lebih holistik ini, usaha mengurangkan jumlah kemiskinan bukan hanya dilakukan dalam kerangka peningkatan pendapatan semata-mata, bahkan meliputi daya usaha dalam meningkatkan kualiti moral dan akhlak masyarakat.

Selain itu, kemiskinan juga boleh memberi kesan terhadap tahap keimanan dan kepercayaan seseorang sepertimana dalam hadith dari Anas bin Mālik RA, Nabi SAW bersabda:

كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُونُ كُفْرًا

“Hampir saja kefakiran membawa kepada kekufuran”⁷³

Pendidikan merupakan salah satu aspek penting dalam menangani insiden kemiskinan baik harta mahupun jiwa. Dalam konteks kemiskinan jiwa, sekiranya institusi keluarga tidak mematuhi dan tidak mengamalkan ajaran-ajaran Islam, maka tidak dapat dinafikan bahawa anak-anak yang akan mewarisi generasi akan datang juga tidak terdidik dengan pendidikan Islam sedangkan didikan yang baik di rumah amat diperlukan supaya anak-anak mengenal intipati dari pendidikan Islam yang sebenar. Prof. Dr. S.A. Haque dalam sebuah karyanya berjudul “Sumbangan Islam Terhadap Perdamaian Dunia” berkata:

⁷² Nor Ayuni Mohamad Zulkifli, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, “Persepsi Golongan Miskin Terhadap Kemiskinan dan Implikasinya dalam Merealisasikan Pembangunan Nilai Islam: Kajian Terhadap Penduduk Miskin Bandar Kota Bharu, Kelantan” (kertas kerja, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-13, 2018 (PERKEM Ke-13), Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia 26-27 September 2018), 215.

⁷³ Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn, *Shu‘ab al-Īmān*, vol. 5, “al-Thalith wa al-Arba‘ūn min Shu‘ab al-Īmān, Bāb al-Hithth ‘ala Tark al-Ghill wa al-Ḥasad,” no. hadis 6612 (Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996), 267; Abū Nu‘aym Aḥmad Ibn ‘Abd Allāh al-Asfihānī, *Ḥilyah al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Asfiya*, vol. 3, Yazid Ibn Aban al-Ruqasyi (205), (Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 53; Al-‘Ajlunī menyatakan bahawa hadis ini adalah *ḍa‘īf* kerana terdapat perawi yang bernama al-Ruqasyi di dalamnya. Lihat Ismā‘īl Ibn Muḥammad al-‘Ajlunī, *Kashf al-Khufa wa Muzil al-Ilbās ‘Amma Ishtahara min al-Aḥādith ‘ala al-Sinah al-Nās* (Bayrut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 2:107-108.

“Jika hukum-hukum dan pelajaran Islam yang berhubung dengan perang dilaksanakan dengan sempurna, nescaya dunia akan berada dalam syurga yang selamanya ini dicarinya, sebagai menggantikan neraka yang sedang ditujunya sekarang”⁷⁴

Oleh itu, dari kata-kata yang dipetik oleh beliau membuktikan bahawa pendidikan agama adalah suatu yang amat penting sebagai langkah awal dalam pembentukan akhlak dan moral diri setiap individu. Pendidikan Islam adalah nadi dalam pembentukan jiwa dan makanan bagi rohani. Mereka yang melakukan pembangunan tanpa disertai dengan aspek kerohanian, maka pembangunan itu akan roboh dan membawa kepada keruntuhan yang saling menghancurkan.⁷⁵

Kemiskinan juga dapat mendorong seseorang untuk melakukan perbuatan yang tidak baik demi mendapatkan keperluan. Implikasi ini berlaku apabila terjadinya insiden keterdesakan dalam memenuhi keperluan hidup sehinggakan sanggup untuk melakukan apa sahaja demi kelangsungan hidup. Perkara ini pernah berlaku di zaman Jahiliyah apabila orang-orang arab telah menanam anak lelaki dan perempuan mereka hidup-hidup tanpa ada belas kasihan. Mereka membunuh anak-anak mereka kerana takut ditimpa keaiban, kemiskinan dan kelaparan.⁷⁶ Orang miskin menjalani kehidupan penuh rasa cemas, gelisah dan duka serta menghabiskan waktu hidup mereka untuk mendapatkan harta. Kisah ini telah dinyatakan dalam firman Allah SWT:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ حَسِيَةً إِمْلَاقٍ ۖ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ ؕ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا ﴿٣١﴾

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu karena takut kemiskinan. Kami lah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar”

(Surah al-Isra', 17: 31)

⁷⁴ Jaliluddin Melaka, “Ke Arah Keharmonian dan Kesejahteraan”, *Majalah Al-Islah*, 1 Jun 1970, 13.

⁷⁵ Yusof Rawa, “Sekilas Kenangan Di Ambang Ramadhan Yang Penuh Berkat”, *Majalah Al-Islah*, 1/15 September 1973, 4.

⁷⁶ Sheikh Shafiiyyu al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Sirah Nabawiyah*, terj. Kathur Suhardi, ed. ke-27 (Jakarta: Pustaka Kawthar, 2008) 33.

Walau bagaimanapun, Islam tidak menyuruh umatnya menjadi miskin. Bahaya kemiskinan ini sangat besar sehingga Rasulullah SAW meminta perlindungan Allah SWT daripada bahaya kemiskinan serupa dengan meminta perlindungan daripada kekufuran dalam ungkapan berikut:

اللهم إني أعوذ بك من الكفر والفقر وعذاب القبر

*“Ya Allah, aku berlindung dengan kau daripada kekufuran dan kefakiran dan aku berlindung dengan Kau daripada azab kubur”*⁷⁷

Seterusnya, diungkapkan oleh para ulama pula⁷⁸:

غَنَى النَّفْسَ مَا يَكْفِيكَ مِنْ سَدِّ حَاجَةٍ فَإِنْ زَادَ شَيْئًا عَادَ ذَلِكَ الْغِنَى فَقْرًا

“Kaya hati adalah merasa cukup pada segala yang engkau hajati. Jika lebih dari itu dan terus engkau cari, maka itu bererti bukanlah ghinā (kaya hati), namun malah fakīr (miskinnya hati).”

Tambahan pula, an-Nawawī mengatakan:⁷⁹

“Kaya yang terpuji adalah kaya hati, hati yang selalu merasa puas dan tidak tamak dalam mencari kemewahan dunia. Kaya yang terpuji bukanlah dengan banyaknya harta dan terus menerus ingin menambah dan terus menambah. Kerana barang siapa yang terus mencari dalam rangka untuk menambah, ia tentu tidak pernah merasa puas. Sebenarnya ia bukanlah orang yang kaya hati.”

Elemen utama dalam mendefinisikan kemiskinan adalah melalui istilah fakir dan miskin di mana kedua-duanya dinilai berdasarkan masalah kekurangan dalam pendapatan dan barangan. Hal ini menunjukkan elemen multidimensi dalam pentakrifan fakir dan miskin telah wujud di mana ukuran pertama dalam kemiskinan dilihat berdasarkan masalah kekurangan dari sudut pendapatan dan material (barangan) yang serupa dengan konsep kemiskinan multidimensi. Walaupun MPI menolak elemen pengukuran kewangan sebagai ukuran kemiskinan melitinkan ketidaktepatan dalam mengukur kemiskinan namun, tidak dapat dinafikan pengukuran kewangan

⁷⁷ Yūsuf al-Qarāḍāwī, *Mushkilah al-Faqr wa Kāyfa ‘Alajahā al-Islām* (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 1997), 13-18.

⁷⁸ Fathul Bārī, ‘Ibnu Hajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. ke-11 (Kāherah: Dār al-Rayyān lī al-Turāth, t.t.), 272.

⁷⁹ Abū Zakariyyā Yaḥyā Syaraf an-Nawawī, *al-Minḥaj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muṣlīm līn Nawāwī*, jil. ke-7 (Kāherah: Dār Ihya’ al-Turāth, t.t.), 140.

masih dilihat penting dalam mengukur kemiskinan. Oleh yang demikian, Islam telah menggariskan kepentingan elemen kewangan dan barangan sebagai ukuran dalam kemiskinan walaupun MPI tidak menekankan pengukuran kewangan. Hal ini bertepatan dengan konsep kemiskinan multidimensi yang mempunyai definisi yang luas dan berbeza-beza mengikut tempat, situasi, atau masa. Jadi, melalui istilah fakir dan miskin, Islam telah mendefinisikan elemen pengukuran kewangan dan barangan sebagai ukuran utama dalam mengukur kemiskinan. Oleh yang demikian, Islam tidak melihat kemiskinan ini dari perspektif material semata-mata kerana walaupun seseorang itu berjaya mengumpulkan harta sehingga menjadi kaya tetapi jika hatinya kosong ia masih dianggap sebagai miskin. Islam melihat kekayaan seseorang itu apabila dia mampu untuk memenuhi keperluan hidup dari aspek barangan atau bukan barangan (spiritual).

KESIMPULAN

Secara asasnya, konsep kemiskinan yang didefinisikan menurut perspektif Islam telah mempunyai ciri-ciri multidimensi. Hal ini melihatkan kepada elemen-elemen yang diterima oleh Islam untuk diguna pakai dalam mengukur kemiskinan melibatkan aspek kewangan, barangan dan dalaman (jiwa). Hal ini bertepatan dengan konsep kemiskinan multidimensi yang memberi ruang kepada setiap pengkaji untuk membentuk definisi kemiskinan dengan lebih meluas. Berdasarkan dalil-dalil nas yang wujud dalam al-Quran dan Hadith, Islam mendefinisikan konsep kemiskinan dengan lebih komprehensif yang mengukur kemiskinan individu secara multidimensi. Ciri-ciri pengukuran kemiskinan multidimensi yang baik adalah pengukuran yang mampu untuk mengukur masalah kekurangan dalam setiap aspek kehidupan yang melibatkan keperluan pendapatan (kewangan), keperluan barangan dan perkhidmatan (material) serta keperluan spiritual (jiwa) yang mempunyai kaitan dengan kesejahteraan hidup. Namun demikian, perlu diberi perhatian bahawa kemiskinan spiritual dan kemiskinan material adalah dua dimensi yang berbeza sifatnya. Kemiskinan material boleh diukur melalui kekurangan pendapatan, barangan dan perkhidmatan, manakala kemiskinan spiritual berkait rapat dengan kesejahteraan jiwa dan lebih mencabar untuk diukur secara kuantitatif. Oleh itu, penggabungan kedua-dua dimensi ini dalam satu ukuran mungkin menimbulkan kesukaran dari segi metodologi. Sehubungan itu, adalah wajar untuk mencadangkan agar kedua-dua bentuk kemiskinan ini ditangani melalui pendekatan polisi yang berbeza. Kemiskinan material boleh ditangani melalui dasar ekonomi yang menekankan kepada agihan sumber dan bantuan kewangan, manakala kemiskinan spiritual lebih sesuai ditangani melalui dasar pendidikan yang

menekankan kepada pembentukan nilai, moral dan kesejahteraan jiwa. Pendekatan ini boleh menjadi asas kepada cadangan pembentukan polisi kemiskinan berasaskan Islam yang lebih komprehensif pada masa akan datang. Disebabkan konsep kemiskinan multidimensi memberi ruang kepada setiap pengkaji untuk membentuk definisi kemiskinan yang baru, konsep kemiskinan multidimensi berteraskan Islam dilihat berpotensi untuk dikembangkan sebagai satu pengukuran yang rasmi dalam polisi pengukuran kemiskinan di mana-mana institusi yang boleh menjadi cadangan kajian di masa akan datang.

RUJUKAN

- ‘Abdullah bin Aḥmad bin Qudāmāh, *al-Kaḥf fī Fiqh Ḥanbāl* (t.tp: al-Maktab al-Islāmī, 1988).
- Abdul Rahman Talib dan Hasan Ahmad, "Penilaian Kelayakan Asnaf fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah", *Journal of Humanities Technology and Civilization* 1, no. 4 (2019), 23-41.
- Abī Ishāq Ibrāhīm bin Alī bin Yūsuf al-Fayrūz al-Shirāzī, *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi’ī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).
- Abū Dāwud, Imām al-Ḥāfiz Sulāimān bin al-Asy’as as-Sajastānī, *Ṣaḥīḥ Sunān Abu Dāwud* (Riyāḍh: Maktabah al-Ma’arūf lil Nasyārā wal Tāwzī’, 1998).
- Abū Nu‘aym Aḥmad Ibn ‘Abd Allāh al-Asfihānī, *Ḥilyah al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Asfiya*, vol. 3, Yazid Ibn Aban al-Ruqasyi (205), (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).
- Abū Zakariyyā Yaḥyā Syaraf an-Nawawī, *al-Minhaj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim līn Nawāwīj*, jil. ke-7 (Kāherah: Dār Ihya' al-Turāth, t.t.).
- Aḥmad ibn Shu‘ayb al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī al-Ṣughra*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 1991).
- Ainina Mardhiyah Hishamuddin, Mohd Ashrof Zaki Yaakob dan Nurulaina Saidin et al., The Concept of 'Temporarily Poor' Asnaf in Zakat Distribution During the Covid-19 Pandemic. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 13 no.3 (2023), 478-489.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn, *Shu‘ab al-Imān*, vol. 5, al-Thalith wa al-Arba‘ūn min Shu‘ab al-Imān, Bāb al-Hithth ‘ala Tark al-Ghill wa al-Ḥasad (Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996).

- Al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Ju‘fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2002).
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ṭūsiyy al-Ghazālī, *Ihya ‘Ulūm Ad-Dīn*, (Indonesia: Penerbit Asli, 1988).
- Al-Ḥāfiz Abī ‘Abd ‘Allah Muḥamad bin Yazīd al-Qazwinī, *Sunān ‘Ibn Mājah* (Riyad: Dār as-Salām, t.t).
- Al-Ḥisānī, Taqī al-Dīn, Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusāynī, *Kifāyah al-Akhyār fī Hallī Ghāyāh al-Ikhtisār* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001).
- Al-Imām Abu ‘Abdullah Muḥammad bin Idrīsh al-Shāfi‘ī al-Qarshiy al-Muṭallibiy, *al-Umm* (Riyadh: Bayt al-Afkār al Dawliyyāh, t.t.).
- Al-Imām al-Ḥāfiz al-Mujtahid al-Rabānī Abī ‘Abdullah Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī, *al-Jami’ al- Ṣaghīr* (Pakistan: Idārah al-Quran wa al-‘Ulūm al-Islāmiyyah, 1990).
- Al-Imām Taqī al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusāynī al-Ḥisānī al-Dimāshqī al-Shāfi‘ī, *Kifāyat al-Akhyār fī Ḥāl Ghayāt al-Ikhtisār* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001).
- Al-Shāwkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abdullah, *Fatḥ al-Qadr* (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1993).
- Azman Ab Rahman, "Had Kifayah Zakat di Malaysia" (Kertas kerja, Konvensyen Zakat Kebangsaan 2016, Dewan Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 11-12 Oktober 2016).
- Bayu Tri Cahya, "Kemiskinan Ditinjau Dari Perspektif Al-Quran dan Hadis", *Jurnal Penelitian* 9, no. 1 (2015), 41-65.
- David Subhi, "Keimanan: Iman Dalam Prsefektif Islam" (Artikel, OSF Preprints, 26 November 2020, doi:10.31219/osf.io/ukbs4).
- Diana, K.L. Ngo, "A Theory-Based Living Standards Index for Measuring Poverty in Developing Countries", *Journal of Development Economic* 130, no. 1 (2018), 190-202.
- Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail, "Matlamat Kecerdasan Rohaniah Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Hadhari* 8, no. 1 (2016), 169-185.
- Fatḥul Bārī, ‘Ibnu Ḥajar al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. ke-11 (Kāherah: Dār al-Rayyān lī al-Turāth, t.t.).
- Food and Agriculture Organization, *The State of Food Security and Nutrition in the World 2021: Transforming Food Systems for Food*

Security, Improved Nutrition and Affordable Healthy Diets for All (Rome: FAO, 2021).

- Robert H. Haveman, Poverty: Measurement and Analysis, dalam *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences*, ed. Neil J. Smelser dan Paul B. Baltes, Science Direct, 2001.
- Ismā'īl Ibn Muḥammad al-‘Ajlunī, *Kashf al-Khufa wa Muzil al-Ilbās ‘Amma Ishtahara min al-Aḥādith ‘ala al-Sinah al-Nās* (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.).
- Itang, “Faktor-Faktor Penyebab Kemiskinan”, *Jurnal Keislaman, Kemasyarakatan dan Kebudayaan* 16, no.1 (2015), 1-30.
- Jaliluddin Melaka, “Ke Arah Keharmonian dan Kesejahteraan”, *Majalah Al-Islah*, 1 Jun 1970.
- Koen Decancq, Marc Fleurbaey, Francois Maniquet, “Multidimensional Poverty Measurement with Individual Preferences”, *Journal of Economic Inequality* 17, no. 1 (2019), 29-49.
- M. Niaz Asadullah, Jerun Josep dan James Chin, The Political Economy of Poverty Reduction in Malaysia, *Progress in Development Studies* 23, no. 2 (2023), 127-151.
- Muḥammad 'Ibn Abd 'Allāh Khāṭib al-Tibrīzī, *Mishkat al-Maṣābīḥ* (Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, Publisher & Bookseller, 1963).
- Mansor Sulaiman et. al., “Had Al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia”, (Kertas Kerja, Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 3-4 Julai 2013).
- Mohd Nasir Masroom, Siti Norlina Muhammad dan Siti Aisyah Panatik @ Abd Rahman, “Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa”, (Kertas Kerja, Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam (SePPIM13), Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru, 17-18 September 2013).
- Muḥammad bin Aḥmad bin Jazī al-Qalbī al-Gharnatī, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyāh li Ibn Jazī* (Bayrūt: Dār al-Kutub, 1998).
- Muḥammad Rawwas Qal’ajī, *Māwsū’ah Fiqh ‘Umar bin al-Khaṭab*, cet. ke-4 (Bayrūt: Dār al-Nafash, 1989).
- Muḥī al-Dīn ‘Abdul al-Ḥamīd, *Sabīl al-Fallāh Fī Nūr al-Lidāh* (Bayrūt: Dār al-Bāyruti, t.t.).

- Muslim, Abī al- Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj Ibn al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Imām Muḥy al-Dīn al-Nawawī* (Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1991).
- Nanum Sofia dan Endah Puspita Sari, Indikator Kebahagiaan (Al-Sa’adah) dalam Perspektif al-Quran dan Hadis, *Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi* 23, no.2 (2018), 91-108.
- Nasseri Taib, Islam dan Pembasmian Kemiskinan, *Jurnal Kemanusiaan* 3 (1993), 1-20.
- Nasim Shah Shirazi, "Targeting, Coverage and Contribution of Zakat To Households’ Income: The Case Of Pakistan", *Journal of Economic Cooperation Among Muslim Countries* 17, no. 3-4 (1996), 165-186.
- Nor Ayuni Mohamad Zulkifli, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, “Persepsi Golongan Miskin Terhadap Kemiskinan dan Implikasinya dalam Merealisasikan Pembangunan Nilai Islam: Kajian Terhadap Penduduk Miskin Bandar Kota Bharu, Kelantan” (Kertas Kerja, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-13, 2018 (PERKEM Ke-13), Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia 26-27 September 2018).
- Oxford Poverty & Human Development Initiatives, *Global Multidimensional Poverty Index 2018: The Most Detailed Picture to Date of the World’s Poorest People* (London: Oxford Poverty & Human Development Initiatives, 2018).
- Rosni Wazir, "Tuntutan Kesihatan Mental Menurut Maqasid Al-Sunnah" (Prosiding, Persidangan Antarabangsa Isu-Isu Semasa Al-Quran dan Hadis (THIQAH 2020), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 21-24 Februari 2020).
- Sabina Alkire dan Maria Emma Santos, (2014). “Measuring Acute Poverty in the Developing World: Robustness and Scope of the Multidimensional Poverty Index”, *World Development* 59 (2014), 251-274.
- Sabina Alkire et al., “The Global Multidimensional Poverty Index (MPI): 5-Year Methodological Note. OPHI Briefing 37, Oxford Poverty & Human Development Initiatives, University of Oxford, 2016.
- Sayed Afzal Peerzade, “The Definition and Measurement of Poverty: An Intergrated Islamic Approach”, *The Pakistan Development Review*, Spring 36, no.1 (1997), 87-97.

- Sheikh Shafiyyu al-Rahman Al-Mubarakfuri, *Sirah Nabawiyah*, terj. Kathur Suhardi, ed. ke-27 (Jakarta: Pustaka Kawthar, 2008).
- Tarmidzī, Abū Isā Muḥammad bin Isā bin Sāwrah bin Mūsā bin al-Ḍaḥḥāk, *Sunān Tarmidzī* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'āruf lil Nasyarā wal Tāwzi', 1998).
- Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*, cet. ke- 2 (Dimāshq: Dār al-Fikr, 1985).
- World Health Organization, "Healthy Diet." *Laman sesawang World Health Organization*, Diakses pada 24 Mac 2025, <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/healthy-diet>
- Yusof Rawa, "Sekilas Kenangan Di Ambang Ramadhan Yang Penuh Berkah", *Majalah Al-Islah*, 1/15 September 1973.
- Yūsuf 'Abdullah al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, jil. ke-2 (England: Dār al-Taqwā Ltd, 1999).
- Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Mushkilah al-Faqr wa Kāyfa 'Alajahā al-Islām* (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1997).